

**Pindaan 2024
(Edisi Ketiga)**

DASAR HARTA INTELEK DAN PENGKOMERSIALAN UPSI



Telah diluluskan oleh Mesyuarat Senat pada 10 September 2024.

1. PENGENALAN

1.1 **DASAR HARTA INTELEK DAN PENGKOMERSIALAN UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS (selepas ini dirujuk sebagai Dasar “HIP UPSI”)** diwujudkan sebagai panduan kepada semua yang terlibat dalam mengurus dan melaksanakan aktiviti pengkomersialan Harta Intelek UPSI dan pengagihan hasil pengkomersialan Harta Intelek tersebut.

1.2 Secara khususnya dasar ini bertujuan untuk:

- 1.2.1 mengenal pasti pihak-pihak yang bertanggungjawab dalam mengurus dan menguatkuasakan Dasar ini;
- 1.2.2 mewujudkan prosedur cadangan dan membuat keputusan berkaitan Harta Intelek dan pengkomersialan UPSI;
- 1.2.3 mewujudkan penentuan hak dan obligasi pihak-pihak yang terlibat dalam aktiviti Harta Intelek dan pengkomersialan UPSI.
- 1.2.4 memudahkan proses pengagihan hasil Harta Intelek dan pengkomersialan UPSI.
- 1.2.5 membantu UPSI dalam menyelesaikan pertikaian berkaitan dengan harta intelek atau yang berbangkit daripada pelaksanaan dasar ini.
- 1.2.6 memperkasakan aktiviti pengkomersialan Harta Intelek UPSI dan memberi galakan serta pendedahan kepada semua kakitangan dan pelajar supaya menghasilkan Harta Intelek yang berpotensi untuk dikomersialkan.

2. SKOP PEMAKAIAN

- 2.1 Dasar ini terpakai kepada semua kakitangan dan pelajar Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- 2.2 Dasar ini hendaklah diguna pakai kepada mereka yang mendapat manfaat, mempunyai hubungan undang-undang atau kontrak dengan UPSI.
- 2.3 Dasar ini juga boleh diguna pakai untuk tujuan mengkomersialkan apa-apa idea, produk (*tangible* dan *non-tangible*) atau proses yang dihasilkan oleh kakitangan dan pelajar UPSI melalui aktiviti pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan dan inovasi sama ada produk tersebut layak atau tidak mendapat perlindungan Hak Harta Intelek.

3. UNDANG-UNDANG, DASAR DAN PERINTAH AM YANG BERKAITAN

- 3.1 Dasar ini digubal selaras dengan peruntukan undang-undang bertulis berkaitan Harta Intelek (khususnya Akta Hak Cipta 1987, Akta Paten 1983, Akta Cap Dagangan 2019, Akta Perlindungan Varieti Baru Tumbuhan 2004, Akta Petunjuk Geografi 2000, Akta Reka Bentuk Ciptaan Industri 1996 dan Akta Reka Bentuk Susun Atur Litar Bersepadu 2000) dan undang-undang tidak bertulis (khususnya undang-undang ‘Common Law’) berkaitan rahsia perdagangan dan maklumat sulit yang kini berkuat kuasa di Malaysia.

- 3.2 Dasar di peringkat kebangsaan iaitu Dasar Pengkomersialan Harta Intelekt untuk Projek Penyelidikan & Pembangunan Yang Dibiayai Oleh Kerajaan Malaysia (Jun 2009), Dasar Sains, Tekonologi dan Inovasi Negara 2013-2020) dan dasar dalam UPSI turut dijadikan rujukan bagi memastikan keseragaman Dasar-Dasar tersebut dengan Dasar ini.
- 3.3 Dasar ini juga digubal dengan merujuk kepada Garis Panduan Perundingan, Pengurusan dan Pengkomersialan Harta Intelekt Universiti Awam 2020 yang dikeluarkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia.
- 3.4 Pekeliling Perkhidmatan yang dikeluarkan oleh Kerajaan Malaysia yang berkaitan secara langsung atau tidak langsung dengan aktiviti pengkomersialan Harta Intelekt adalah juga dirujuk bagi memastikan kepatuhan terhadap perintah-perintah tersebut, khususnya oleh Staf UPSI atau mana-mana Pelajar dan Rakan Sekutu, yang merupakan Kakitangan Awam. Antara Pekeliling Perkhidmatan yang dijadikan rujukan adalah:
- i. Pekeliling Perkhidmatan Bil. 30 Tahun 2009: Dasar Pengkomersialan Harta Intelekt Hasil Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) Yang Dibiayai oleh Kerajaan.
 - ii. Pekeliling Perkhidmatan Bil. 3 Tahun 2002: Pemilikan dan Perisytiharan Harta oleh Pegawai Awam.
 - iii. Pekeliling Perkhidmatan Bil. 2 Tahun 1993: Bayaran (Fees), elaun-elaun dan pampasan yang boleh disimpan oleh pegawai kerajaan yang dilantik menjadi Pengerusi/ Ahli-ahli Lembaga Pengarah Badan-badan Berkanun/ Kuasa-kuasa Tempatan/ Badan-badan Perniagaan yang kerajaan mempunyai kepentingan.
 - iv. Pekeliling Perkhidmatan Bil. 7 Tahun 1982 : Penglibatan Staf Kerajaan Dalam Lembaga Pengarah Syarikat Perdagangan/ Perusahaan Persendirian Atau Syarikat Perdagangan/Perusahaan di mana Koperasi/Tabung/Kesatuan Sekerja Staf Awam Mempunyai Kepentingan Dari Segi Pelaburan Modal Dan/Atau Ekuiti.
 - v. Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694)
 - vi. Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib Dan Surcaj) 2000 (Akta 605)

4. DEFINISI

Dalam garis panduan ini, melainkan jika kandungan ayatnya menghendaki makna yang lain;

“Dana Pentadbiran UPSI” bermaksud dana yang diperoleh dari UPSI atau dana yang diperoleh daripada penaja, kerajaan atau entiti yang berkaitan dengan kerajaan.

“Hak Harta Intelekt” bermaksud semua jenis hak (hak milik, hak eksklusif dan hak moral) dan apa-apa kepentingan (selaku pemegang lesen) yang diiktiraf dan dilindungi di bawah mana-mana undang-undang yang berkuat kuasa di Malaysia sama ada bertulis atau tidak bertulis, termasuk semua hak dan kepentingan yang timbul daripada undang-undang paten, hak cipta, reka bentuk perindustrian, cap dagangan, petunjuk geografi, reka bentuk susun atur litar bersepadu dan varieti baru tumbuhan dan maklumat sulit termasuk rahsia perdagangan.

“Hak Ekonomi” bermaksud Hak ekonomi yang diberikan kepada pemunya hak termasuk hak pengeluaran semula, hak penyampaian kepada orang ramai, hak untuk pertunjukan, tayangan atau permainan kepada awam, hak pengedaran dan hak sewa komersial. Hak ini boleh dilaksanakan dalam tempoh perlindungan yang dikawal di bawah Akta Hak Cipta 1987. Hak ekonomi membolehkan pemilik hak untuk memperolehi ganjaran kewangan daripada penggunaan karya-karya beliau oleh pengguna atau tujuan komersial. Hak ekonomi boleh diperolehi melalui penyerahan hak, pelesenan dan wasiat.

“Harta Intelek” bermaksud apa-apa reka cipta, reka bentuk, karya, cap dagangan, petunjuk geografi, susun atur litar bersepadu dan varieti baru tumbuhan seperti yang ditakrifkan di dalam undang-undang yang berkenaan.

“Harta Intelek UPSI” bermaksud semua Harta Intelek yang mana UPSI mempunyai hak dan/atau kepentingan kontraktual atau kepentingan ekuiti hasil daripada pemberian atau penyerahan hak milik, pemberian lesen atau operasi perundangan di bawah mana-mana undang-undang yang berkuat kuasa di Malaysia.

“Hak Moral”

- **Hak Paterniti**

Hak ini membolehkan pencipta untuk dikenali dan menuntut keaslian ciptaan mereka dikekalkan.

- **Hak Integriti**

Hak ini membenarkan pencipta untuk menghalang mana-mana pengguna dari penyelewengan, pencacatan atau pengubahsuaian yang lain kerja-kerja beliau di mana hasil daripada pengubahsuaian yang ketara akan mengubah kerja asal dan menjejaskan kehormatan atau reputasi pencipta.

“Hak Perundangan” bermaksud pencipta, pemilik hak cipta dan pelaku diberikan hak eksklusif untuk mengawal di bawah undang-undang hak cipta. Hak perundangan yang diberikan kepada mereka termasuk hak untuk menguatkuasakan karya berhakcipta mereka dalam kes-kes pelanggaran sama ada melalui 4 yarikat sivil atau jenayah. Dari segi pelakuan jenayah, ia dijalankan oleh Bahagian Penguatkuasaan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) atau Polis Diraja Malaysia.

“Hasil Pengkomersialan” bermaksud pendapatan yang diterima oleh UPSI daripada pengkomersialan, termasuk tetapi tidak terhad kepada:

- royalti jualan (daripada pemegang lesen/pemegang lesen kecil);
- hasil daripada pemindahan teknologi;
- hasil daripada penyerahan/pemberian lesen Hak Harta Intelek;
- dividen daripada saham yang dimiliki oleh UPSI dalam syarikat yang ditubuhkan untuk mengkomersialkan Harta Intelek; atau
- hasil daripada jualan saham yang dimiliki oleh UPSI dalam syarikat ditubuhkan untuk mengkomersialkan Harta Intelek.

“Hasil Pengkomersialan Bersih” bermaksud Hasil Pengkomersialan selepas ditolak Kos Pengkomersialan.

“Inovasi” bermaksud sebarang idea dan/atau produk (*tangible* dan *non-tangible*) penghasilan idea, kaedah atau pengolahan yang baru.

“Kakitangan” bermaksud seseorang yang dilantik untuk berkhidmat di UPSI, sama ada secara sambilan atau sepenuh masa, kontrak atau tetap, merangkumi Kakitangan Akademik dan Kakitangan Bukan Akademik.

- i. Kakitangan Akademik merujuk kepada mana-mana pensyarah Universiti, Skim Sarjana Utama, Skim Tenaga Pengajar Khas, Guru Bahasa, Pegawai Pendidikan Perkhidmatan dan Penolong Pegawai Latihan Vokasional yang dilantik berkhidmat di UPSI dan terlibat dengan aktiviti pengajaran dan pembelajaran.
- ii. Kakitangan Bukan Akademik merujuk kepada mana-mana kakitangan yang dilantik berkhidmat di UPSI dan tidak terlibat dengan aktiviti pengajaran dan pembelajaran.

“Ketua Pencipta” bermaksud individu berseorangan yang telah menyumbangkan keintelektualan untuk sesuatu Harta Intelek, pengarang, pencipta rekaan atau pencipta Harta Intelek yang telah dilantik setelah mendapat persetujuan di kalangan mereka.

“Kos Pengkomersialan” bermaksud semua kos yang terlibat dalam mengkomersialkan Harta Intelek seperti:

- i. kos permohonan dan pendaftaran Harta Intelek;
- ii. kos perundangan;
- iii. yuran akauntan;
- iv. perbelanjaan penilai;
- v. kos pengurusan PPPI;
- vi. perbelanjaan perunding (perunding Harta Intelek, pengkomersialan dan lain-lain perunding);
- vii. kos perkhidmatan profesional luar yang lain;
- viii. kos perjalanan dan penginapan berdasarkan garis panduan yang digunapakai;
- ix. kos penerimaan pemindahan teknologi (*technology acquisition*);
- x. apa-apa cukai yang berkaitan dengan pengkomersialan; dan
- xi. lain-lain kos yang terlibat.

“Laporan Pengkomersialan” bermaksud analisis statistik jenis produk yang dijual yang memperuntukkan bilangan, hasil dan keuntungan jualan serta pengenalpastian atau kajian tentang kepuasan pelanggan bagi sesuatu aktiviti penjualan.

“MJPIU” bermaksud Mesyuarat Jawatankuasa Penyelidikan dan Inovasi Universiti iaitu Jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah Senat UPSI.

“Organisasi Luar” bermaksud mana-mana organisasi di dalam atau di luar negara yang bekerjasama dalam projek pengkomersialan dengan pencipta UPSI.

“Path Finder” bermaksud mana-mana individu atau pihak ketiga yang berdaftar dengan UPSI dan juga kakitangan UPSI yang berperanan sebagai orang tengah sehingga sesuatu projek pengkomersialan dipersetujui oleh kedua belah pihak.

“Pelajar” bermaksud seseorang berdaftar dan sedang mengikuti kursus yang ditawarkan oleh Universiti bagi sesuatu program pengajian pra siswazah dan siswazah.

“Pelanggan” bermaksud individu atau kelompok atau agensi atau syarikat yang ingin atau telah menaja sesuatu produk pengkomersialan. Pelanggan boleh sama ada orang perseorangan, agensi kerajaan, badan berkanun, agensi swasta, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), atau mana-mana organisasi dalam atau di luar negara yang membiayai projek pengkomersialan.

“Pelatih Skim Latihan Kakitangan Akademik” bermaksud individu di dalam kontrak untuk berkhidmat dengan UPSI dalam menjalankan pengajian siswazah untuk perkhidmatan masa depan sebagai ahli Akademik UPSI mengikut kontrak yang termaktub.

“Pelesenan” bermaksud satu kaedah di mana UPSI sebagai pemberi lesen membenarkan pihak ketiga iaitu penerima lesen mengkomersialkan harta intelek tersebut.

“Pemberi Lesen” bermaksud UPSI atau UHSB atau mana-mana syarikat yang diberikan kuasa oleh UPSI untuk melesenkan Harta Intelek bagi tujuan pengkomersialan.

“Penerima Lesen” bermaksud pihak yang diberi hak untuk mengeksploitasi dan mengkomersialkan harta intelek yang dilesenkan.

“Pencipta” bermaksud individu berseorangan atau individu berkumpulan yang telah menyumbangkan keintelektualan untuk sesuatu Harta Intelek dan termasuk juga pengarang, pencipta rekaan atau pencipta Harta Intelek.

“Penimbangtara” bermaksud seseorang yang berdaftar dengan Jawatankuasa Timbang Tara di bawah Akta Penimbangtaraan Malaysia 2005 (Pindaan sehingga Jun 2006) yang dilantik menyelesaikan pertikaian undang-undang.

“Pendapatan Bersih” bermaksud hasil pengkomersialan yang diperoleh setelah ditolak dengan keseluruhan perbelanjaan terlibat.

“Pendapatan Kasar” bermaksud hasil pengkomersialan yang diperolehi sebelum ditolak keseluruhan perbelanjaan yang terlibat.

“Pengkomersialan” dalam Konteks Dasar ini bermaksud aktiviti yang bertujuan untuk menjana pendapatan dan/atau pulangan kewangan daripada Harta Intelek, termasuk, tetapi tidak terhad kepada :

- (i) penyerahan hak assignment atau pelesenan (*licensing*) sebahagian atau keseluruhan Hak Harta Intelek dengan balasan kewangan atau royalti yang setimpal;
- (ii) penubuhan syarikat ‘spin-off’ atau Syarikat Usaha sama yang menghasilkan, membuat, mengilang, mengeluarkan, membekal, memasarkan atau memfrancaiskan produk atau perkhidmatan yang mengandungi atau mengguna pakai Harta Intelek UPSI; dan
- (iii) Pemindahan teknologi oleh UPSI kepada Pihak Luar dengan balasan kewangan yang setimpal.

“Produk *Tangible*” bermaksud sebarang produk penyelidikan hasil daripada UPSI atau kolaborasi bersama pihak luar.

“Produk *In-Tangible*” bermaksud sebarang hasil penyelidikan yang bukan dalam bentuk bahan atau produk 3 dimensi.

“Perlembagaan” bermaksud Perlembagaan UPSI, dan hendaklah termasuk apa-apa pindaan di dalamnya.

“Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (PPPI)” bermaksud satu pusat tanggungjawab di UPSI yang menguruskan hal-hal berkaitan penyelidikan, perundingan, pengkomersialan dan inovasi UPSI.

“*Due Diligence*” atau ketekunan wajar bermaksud merujuk kepada mengambil langkah yang munasabah atau menjalankan penjagaan munasabah berhubung dengan tindakan tertentu.

“**Rakan Sekutu**” bermaksud bukan kakitangan dan pelajar UPSI, tetapi tidak terhad kepada rakan usaha sama dalam penyelidikan, penyelidik pelawat, perunding, profesor adjung, felo atau mana-mana individu, entiti atau badan korporat lain yang dijemput secara rasmi oleh UPSI bagi menjalankan aktiviti pengajaran dan pembelajaran serta penyelidikan dan inovasi.

“**Senat**” bermaksud Senat seperti yang dinyatakan mengikut seksyen 22 (1) Perlembagaan UPSI.

Spin-off bermaksud satu proses pra-pengkomersialan bagi memastikan ketersediaan harta intelek yang telah dihasilkan daripada suatu penyelidikan sebelum penubuhan syarikat permulaan bagi tujuan pengkomersialan harta intelek.

“**Sumber**” bermaksud Dana Pentadbiran UPSI, kemudahan-kemudahan, bahan-bahan spesimen, peralatan, ruang makmal dan apa-apa lain yang berkaitan dengannya, tenaga pengajar UPSI dan bukan tenaga pengajar termasuk pelajar.

“**Syarikat Permulaan (*startup company*)**” bermaksud syarikat permulaan yang ditubuhkan di bawah seliaan UHSB setelah mendapatkan kelulusan UPSI. Syarikat permulaan ini hendaklah didaftarkan sebagai Syarikat Sendirian Berhad (Sdn. Bhd.)

“**Urusan Pekerjaan**” bermaksud merujuk kepada tugas hakiki, skop tugas dan tanggungjawab biasa pekerjaan seseorang kakitangan sepertimana yang terkandung di dalam surat pelantikan atau perjanjian perkhidmatannya.

“**UPSI**” bermaksud Universiti Pendidikan Sultan Idris.

“**UPSI Holdings Sdn. Bhd. (UHSB)**” bermaksud anak syarikat UPSI yang ditubuhkan oleh UPSI dan berdaftar di bawah Akta Syarikat 1965 bagi menjalankan aktiviti komersial sebagai penjana pendapatan kepada UPSI.

5. PENGURUSAN DAN PENGUATKUASAAN DASAR

5.1 Senat UPSI selaku ‘*Custodian*’ Dasar ini telah menurunkan tanggungjawab kepada Jawatankuasa Penyelidikan dan Inovasi (MJPIU) untuk melaksanakan dan menguatkuasakan Dasar ini

5.2 Bagi aspek pengurusan Jawatankuasa Penyelidikan dan Inovasi yang bertanggungjawab dalam menguatkuasakan dasar ini, berikut adalah terma rujukan jawatankuasa ini;

5.2.1 Keanggotaan

Pengerusi : Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)

Ahli :

- Pendaftar
- Penasihat Undang-Undang
- Bendahari
- Ketua Pustakawan
- Dekan Fakulti Sains dan Matematik
- Dekan Fakulti Pembangunan Manusia
- Dekan Fakulti Bahasa dan Komunikasi
- Dekan Fakulti Seni, Kelestarian dan Industri Kreatif
- Dekan Fakulti Sains dan Kemanusiaan
- Dekan Fakulti Muzik dan Seni Persembahan

- Dekan Fakulti Sains Sukan dan Kejurulatihan
- Dekan Fakulti Teknikal dan Vokasional
- Dekan Fakulti Pengurusan dan Ekonomi
- Dekan Fakulti Komputeran dan Meta- Teknologi
- Dekan Institut Pengajian Siswazah
- Pengarah Institut Peradaban Melayu
- Pengarah Pusat Penyelidikan dan Perkembangan Kanak-kanak Negara
- Pengarah Pejabat Karang Mengarang
- Pengarah Pusat Inisiatif Pemodenan Pendidikan
- Ketua Pegawai Sistem Maklumat
- Dua (2) orang Profesor mewakili Senat

Setiausaha : Pengarah Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi

Ahli Turut Hadir : Mana-mana pakar bidang atau pihak yang boleh membantu dalam membuat keputusan berkaitan pengurusan harta intelek dan pengkomersialan.

5.2.2 Kuorum bagi mesyuarat ini adalah 2/3 daripada jumlah ahli mesyuarat.

5.2.3 Mesyuarat Jawatankuasa Penyelidikan dan Inovasi Universiti (MJPIU) hendaklah diadakan sekurang- kurangnya dua (2) bulan sekali.

6. PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB

6.1 Tanggungjawab Jawatankuasa Penyelidikan dan Inovasi Universiti (MJPIU)

- 6.1.1 MJPIU bertanggungjawab memastikan Dasar ini dilaksanakan dan dikuatkuasakan sepenuhnya dan hendaklah dari semasa ke semasa atau sekiranya diminta, melaporkan kepada Senat UPSI berhubung pelaksanaan dan penguatkuasaan Dasar ini;
- 6.1.2 MJPIU bertanggungjawab untuk mengemukakan cadangan pengkomersialan yang diterima daripada PPPI dan sekiranya didapati memenuhi kriteria hendaklah disyorkan kepada Senat UPSI supaya Harta Intelek tersebut dapat dikomersialkan;
- 6.1.3 menasihati UPSI dalam semua perkara berkaitan harta intelek, termasuk penilaian teknikal, penilaian risiko, kajian pasaran, pelan perniagaan, aktiviti mengkomersialkan dan eksploitasi harta intelek melalui pengurusan *spin-off* dan penubuhan syarikat permulaan (*startup company*);
- 6.1.4 melantik mana-mana perunding, jika perlu untuk membuat penilaian teknikal, penilaian risiko, kajian pasaran, pelan perniagaan atau eksploitasi harta intelek sebelum sesuatu produk atau hasil ciptaan layak dilindungi dengan harta intelek;
- 6.1.5 membantu UPSI dalam menyelesaikan pertikaian berkaitan dengan harta intelek atau yang berbangkit daripada pelaksanaan dasar ini;
- 6.1.6 mengkaji, menyemak dan membuat pindaan, jika perlu terhadap dasar ini; dan
- 6.1.7 melulus dan membatalkan keputusan sesuatu permohonan.

6.2 Tanggungjawab Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (PPPI)

- 6.2.1 Menyedia dan menggubal Dasar Harta Intelek dan Pengkomersialan bagi pihak UPSI sebagai rujukan kepada semua pihak yang berkaitan.
- 6.2.2 Mengurus dan mengambil semua langkah yang perlu untuk melindungi hak harta intelek yang dimiliki oleh UPSI.
- 6.2.3 Menguruskan pendaftaran harta intelek dan projek pengkomersialan dengan memberi kod rujukan khusus bagi setiap projek pengkomersialan.
- 6.2.4 Menguruskan transaksi kewangan projek pengkomersialan dengan persetujuan pencipta iaitu;
 - i. Unit Kewangan PPPI merekodkan setiap bulan hasil pengkomersialan sesuatu produk melalui Bendahari;
 - ii. Memaklumkan kepada Bendahari untuk membuat agihan ke atas hasil pengkomersialan mengikut kadar atau terma yang ditetapkan dan disalurkan kepada pihak berkaitan.
- 6.2.5 Berperanan sebagai badan kawal selia dan penyelaras untuk semua pendaftaran Harta Intelek UPSI dan projek pengkomersialan UPSI yang didaftarkan di bawah PPPI bagi memastikan pelaksanaannya mengikut terma yang ditetapkan.
- 6.2.6 Dalam proses pengkomersialan Harta Intelek, PPPI berperanan memastikan semua urusan seperti berikut diberi perhatian dan tindakan, iaitu;
 - i. Melaksanakan intervensi yang sesuai dan mengikut tatacara perlindungan Harta Intelek.
 - ii. Menentukan kaedah pengkomersialan yang berstruktur dan bersesuaian mengikut penawaran dan permintaan pasaran semasa.
 - iii. Mengenalpasti entiti yang sesuai dan berkebolehan bagi tujuan pengkomersialan.
 - iv. Mengadakan perbincangan, rundingan dan memuktamadkan Perjanjian Pengkomersialan dengan semua pihak berkaitan, termasuk menguatkuasakan apa-apa Perjanjian Tidak Boleh Dedah (*Non-disclosure Agreement-NDA*).
 - v. Memastikan dokumen perjanjian antara UPSI dan entiti yang berkaitan disediakan dengan memasukkan terma-terma pemindahan teknologi, kaedah dan nilai yang dipersetujui bersama.
- 6.2.7 Sekiranya berlaku masalah yang melibatkan prestasi pengkomersialan, Pengarah PPPI hendaklah mengambil langkah berikut untuk mengatasi masalah berkenaan:
 - i. mengadakan mesyuarat bersama pencipta dan kumpulan pencipta untuk berbincang mengenai masalah berkenaan dan membuat keputusan sama ada dibuat penamatan atau penggantian.

- ii. memastikan semua dokumen dan peralatan berkaitan projek pengkomersialan dikembalikan oleh pencipta berkenaan.
 - iii. Mengeluarkan surat penamatan kepada pencipta dan mengemukakan salinan kepada ke Fakulti atau PTj dan pelanggan.
- 6.2.8 Memainkan peranan dalam menggalakkan aktiviti pengkomersialan di UPSI.
- i. Membantu mempromosikan pakar pengkomersialan dalam kalangan kakitangan UPSI.
 - ii. Menyediakan *platform* untuk pencipta memasarkan kepakaran dan menguruskan produk atau projek mereka.
- 6.2.9 Menyalurkan data yang berkaitan harta intelek dan pengkomersialan untuk direkodkan dalam pangkalan data mengikut sistem yang disediakan.
- 6.2.10 Mengemaskini dasar yang berkaitan dengan harta Intelek dan pengkomersialan dari semasa ke semasa.

6.3 Tanggungjawab Ketua Pusat Tanggungjawab (PTj)

- 6.3.1 Mengesahkan borang pendaftaran dan laporan akhir projek pengkomersialan yang diisi oleh ketua pencipta sebelum dihantar ke PPPI.
- 6.3.2 Memberi kerjasama sepenuhnya kepada ketua pencipta dalam penyediaan atau penggunaan kemudahan infrastruktur seperti ruang, kemudahan bangunan dan lain-lain bagi tujuan melaksanakan projek pengkomersialan.
- 6.3.3 Memastikan projek pengkomersialan yang dilaksanakan oleh kakitangan tidak mengabaikan tugas hakiki di UPSI.
- 6.3.4 Memastikan projek pengkomersialan memberi sumbangan kepada pencapaian petunjuk prestasi utama fakulti dan UPSI.
- 6.3.5 Memastikan UPSI dan PTj terlibat mendapat agihan hasil pengkomersialan sebagaimana yang telah ditetapkan.
- 6.3.6 Memantau prestasi projek pengkomersialan yang dilaksanakan sehingga selesai untuk mengurangkan risiko projek pengkomersialan dan menjana pendapatan UPSI yang optimum.
- 6.3.7 Memastikan pencipta membuat laporan akhir projek pengkomersialan setelah selesai perkhidmatan dengan pihak pelanggan dan dihantar ke PPPI dan pihak pelanggan (jika perlu).
- 6.3.8 Bertindak sebagai pemudah cara dalam membekalkan direktori kepakaran yang terdapat di fakulti atau pusat.

6.4 Tanggungjawab Pencipta

- 6.4.1 Tanggungjawab untuk Memberi Kerjasama dan Membekalkan Maklumat

- 6.4.1.1 Pencipta hendaklah memberikan kerjasama apabila diminta melengkapkan semua dokumen yang diperlukan bagi membolehkan permohonan perlindungan Hak Harta Intelekt atau pengkomersialan Harta Intelekt itu dibuat.
- 6.4.1.2 Pencipta hendaklah membekalkan segala jenis maklumat dan memberikan segala jenis bantuan kepada UPSI di semua peringkat permohonan perlindungan atau pengkomersialan Harta Intelekt tersebut, sebagaimana yang diperlukan oleh UPSI dari semasa ke semasa, termasuk tetapi tidak terhad kepada mengambil bahagian di dalam prosiding perundangan berkaitan dengan pelanggaran Hak Harta Intelekt dan pelesenan Harta Intelekt tersebut.
- 6.4.1.3 Dalam keadaan di mana penglibatan secara kekal atau berterusan oleh pencipta adalah diperlukan sepanjang aktiviti pengkomersialan itu berjalan, darjah, bentuk dan tempoh masa penglibatan pencipta hendaklah diperincikan di dalam satu bentuk Perjanjian.
- 6.4.2 Tanggungjawab untuk Mengisytiharkan Percanggahan Kepentingan dan Komitmen
 - 6.4.2.1 Pencipta yang merupakan kakitangan yang menghasilkan Harta Intelekt UPSI hendaklah mematuhi Garis Panduan Percanggahan Kepentingan dan Komitmen kakitangan UPSI (Dalam Aktiviti Pengkomersialan Harta Intelekt UPSI) sepertimana dalam Lampiran A ('Garis Panduan tersebut').
 - 6.4.2.2 Pencipta selaku kakitangan UPSI adalah dikehendaki untuk mengisytiharkan apa-apa percanggahan kepentingan dan komitmen yang wujud atau dijangkakan akan wujud berpandukan kepada Garis Panduan tersebut.

7. PERLINDUNGAN HARTA INTELEK

- 7.1 Perlindungan Harta Intelekt dikawal di bawah undang-undang Malaysia bagi membolehkan pemilik Harta Intelekt melaksanakan kawalan eksklusif ke atas sebarang eksploitasi terhadap hak pemilikan tersebut.

7.2 Jenis-jenis Harta Intelekt

7.2.1 Paten (*Patent*)

- 7.2.1.1 Paten adalah hak eksklusif yang dianugerahkan di bawah Akta Paten 1983 atau mana-mana undang-undang lain yang seumpamanya di dalam atau luar Malaysia untuk suatu rekapipta, sama ada ia adalah satu produk atau satu proses untuk melakukan sesuatu yang 11 yarik atau penyelesaian teknikal ke atas sesuatu masalah.
- 7.2.1.2 Perbaharuan utiliti adalah hak eksklusif yang diberikan terhadap suatu rekapipta kecil yang tidak memerlukan ujian 11 yarika merekapipta sebagaimana yang diperlukan untuk mendapat paten.
- 7.2.1.3 Paten akan dianugerahkan apabila ia menepati ciri-ciri berikut:

- i. Baru (Novelti), iaitu reka cipta belum dizahirkan kepada orang awam mana-mana di dunia;
- ii. Melibatkan langkah mereka cipta yang mana rekacipta itu tidak ketara kepada seseorang yang mempunyai pengetahuan dan kemahiran dalam bidang teknologi tersebut; dan
- iii. Boleh digunakan mana mana industri.

7.2.1.4 Perlindungan paten adalah selama 20 tahun daripada tarikh pemfailan.

7.2.2 Hak Cipta (*Copyright*)

7.2.2.1 Hak cipta adalah perlindungan yang diberikan kepada penulis, pemilik hak cipta dan pelaku tertakluk di bawah Akta Hak Cipta 1987. Karya-karya yang layak mendapat perlindungan adalah:

- i. Karya sastera, tempoh perlindungan hak cipta karya ini mestilah wujud semasa hayat pencipta dan hendaklah terus wujud sehingga habis tempoh lima puluh tahun selepas kematiannya.
- ii. Karya muzik, tempoh perlindungan hak cipta karya ini mestilah wujud semasa hayat pencipta dan hendaklah terus wujud sehingga habis tempoh lima puluh tahun selepas kematiannya.
- iii. Karya seni, tempoh perlindungan hak cipta karya ini mestilah wujud semasa hayat pencipta dan hendaklah terus wujud sehingga habis tempoh lima puluh tahun selepas kematiannya.
- iv. Filem, tempoh perlindungan hak cipta karya ini mestilah wujud selama 50 tahun dari karya itu diterbitkan, dibuat penetapan untuk karya filem dan rakaman bunyi. Bagi pelaku, hak cipta itu hendaklah wujud daripada persembahan ia dilakukan atau penetapan dalam rakaman bunyi.
- v. Rakaman bunyi, tempoh perlindungan hak cipta karya ini mestilah wujud selama 50 tahun dari karya itu diterbitkan, dibuat penetapan untuk karya filem dan rakaman bunyi. Bagi pelaku, hak cipta itu hendaklah wujud daripada persembahan ia dilakukan atau penetapan dalam rakaman bunyi.
- vi. Siaran, tempoh perlindungan berlaku dalam cara transmisi sama ada melalui cara wayar atau tanpa wayar (*wireless*), tempoh selama lima puluh tahun hendaklah dikira bermula siaran pertama kali dibuat.
- vii. Karya terbitan.

7.2.3 Cap Dagangan (*Trade Mark*)

7.2.3.1 Cap Dagangan ditakrifkan dalam Seksyen 3 Akta Cap Dagangan 1976 sebagai cap yang digunakan bagi tujuan menunjukkan hubungan antara barangan atau perkhidmatan dengan pemilik/pengguna berdaftar cap dagangan tersebut di dalam urusan perniagaan. Cap Dagangan boleh terdiri daripada seperti berikut;

- i. **Tanda** termasuklah apa-apa huruf, perkataan, nama, tandatangan, angka, logo, jenama, tajuk, label, tiket, bentuk barang-barang atau bungkusannya, warna, bunyi, bau, hologram, kedudukan, urutan gerakan atau apa-apa gabungannya.
- ii. **Cap Kolektif** adalah suatu tanda yang menunjukkan barang-barang atau perkhidmatan anggota persatuan yang merupakan tuan punya cap kolektif daripada perusahaan yang lain.
- iii. **Cap perakuan** adalah suatu tanda yang membezakan barang-barang atau perkhidmatan dengan tanda itu hendaklah digunakan adalah diperaku oleh tuan punya cap perakuan berkenaan dengan tempat asal, bahan, cara pengilangan barang-barang atau pelaksanaan perkhidmatan, kualiti, ketepatan atau ciri-ciri lain.

7.2.3.2 Cap Dagangan perlu didaftarkan kerana:

- i. Hak eksklusif – Pemilik cap dagangan berdaftar mendapat hak eksklusif untuk menggunakan cap dagangan berkenaan dalam urusan/perjalanan perdagangan. Pemilik cap dagangan juga berhak mengambil tindakan undang-undang ke atas sesiapa yang menggunakannya tanpa kebenaran; dan
- ii. Bukti sah undang-undang – Sijil pendaftaran yang dikeluarkan oleh Pejabat Pendaftar menjadi bukti sebagai pemilik yang sah ke atas sesuatu cap dagangan. Bukti ini diterima di mahkamah dan juga pihak penguatkuasaan. Ia juga merupakan dokumen penting untuk membuktikan 'kesahan' hak milik cap dagangan dalam urusan pengeksportan barangan ke luar negeri;

7.2.3.3 Setiap pendaftaran adalah sah untuk tempoh 10 tahun daripada tarikh pendaftaran dan pembaharuan pendaftaran boleh dibuat setiap 10 tahun.

7.2.4 Reka Bentuk Perindustrian (*Industrial Design*)

7.2.4.1 Reka Bentuk Perindustrian di bawah Akta Reka bentuk Perindustrian 1996 atau mana-mana undang-undang lain

yang seumpamanya di dalam atau luar Malaysia hanya akan dipohon jika rekaan itu mempunyai ciri bentuk, tatarajah, corak atau hiasan yang digunakan pada sesuatu barang melalui apa-apa proses atau cara perindustrian, iaitu ciri yang ada pada barang siap, merupakan ciri yang menarik dan dinilai dengan pandangan mata.

7.2.4.2 Reka bentuk perindustrian perlu didaftarkan untuk mendapatkan hak eksklusif ke atasnya dengan syarat ia mestilah baharu dan tidak pernah didedahkan kepada pihak awam di mana-mana di Malaysia.

7.2.4.3 Perlindungan akan diberikan selama lima (5) tahun daripada tarikh pemfailan dan perlindungan boleh dilanjutkan selama empat (4) tempoh di mana setiap tempoh perlindungan adalah lima (5) tahun. Ini bermakna tempoh maksimum perlindungan adalah 25 tahun.

7.2.5 Reka Bentuk Susun Atur Litar Bersepadu (*Integrated Circuit Layout Design*)

7.2.5.1 Reka bentuk susun atur litar bersepadu di bawah Akta Reka bentuk Susun Atur Litar Bersepadu 2000 adalah suatu susunan tiga dimensi unsur-unsur sesuatu litar bersepadu yang mengandungi sebahagian atau semua unsur-unsur hubungan litar bersepadu atau keseluruhan susunan tiga dimensi disediakan untuk tujuan persediaan bagi proses perkilangan.

7.2.5.2 Reka bentuk susun atur layak dilindungi secara automatik tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

- i. Asli iaitu hasil usaha intelek penciptanya sendiri;
- ii. Ianya telah di ekspresi dalam bentuk bahan atau digabungkan dalam suatu litar bersepadu;
- iii. Pemegang hak reka bentuk susun atur itu adalah orang yang layak.

7.2.5.3 Sesuatu reka bentuk susun atur dilindungi bagi tempoh 10 tahun daripada tarikh ia mula dieksploitasi dan berterusan sehingga 15 tahun ia dicipta.

7.2.6 Petunjuk Geografi (*Geographical Indications*)

7.2.6.1 Petunjuk geografi tertakluk di bawah Akta Petunjuk Geografi 2000 adalah satu petunjuk atau tanda yang digunakan ke atas sesuatu produk di mana produk/barangan itu berasal, dari sebuah negara atau wilayah, atau sesuatu kawasan atau tempat dalam atau negara atau wilayah, di mana mutu yang ditentukan, atau reputasi ciri lain barang-barang itu pada asasnya adalah berpunca daripada asal geografi mereka.

7.2.6.2 Perlindungan petunjuk geografi boleh diberikan walaupun petunjuk geografi itu tidak didaftarkan. Perlindungan juga tetap diberikan terhadap satu lagi petunjuk geografi walaupun ianya di keluarkan di negara, kawasan, wilayah atau daerah dimana produk itu dihasilkan, tetapi ia telah

memberi gambaran palsu kepada umum bahawa ia dihasilkan di negara, kawasan, wilayah dan daerah yang lain.

- 7.2.6.3 Pendaftaran petunjuk geografi boleh dibuat untuk mendapatkan hak petunjuk geografi tersebut. Perlindungan akan diberi selama 10 tahun bermula dari tarikh pemfailan dan boleh diperbaharui setiap 10 tahun.

7.2.7 Varieti Baru Tumbuhan (*New Variants of Plants*)

Varieti Baru Tumbuhan dilindungi di bawah Akta Perlindungan Varieti Baru Tumbuhan 2004. Akta ini memperuntukan perlindungan hak pembiak baka untuk varieti baru tumbuhan dan pengiktirafan serta perlindungan ke atas sumbangan yang dibuat oleh Pencipta (termasuk petani, masyarakat tempatan atau pribumi) terhadap pengwujudan varieti baru tumbuhan.

- 7.3 Selain kriteria asas yang dinyatakan, UPSI juga boleh mengambil kira faktor kos, nilai komersial, potensi pasaran sesuatu Harta Intelek tersebut dan lain-lain faktor yang relevan, dalam membuat keputusan sama ada untuk memohon perlindungan Hak Harta Intelek.
- 7.4 Perlindungan Harta Intelek boleh dimohon untuk sebab-sebab bukan komersial dan dalam keadaan sedemikian, adalah menjadi tanggungjawab UPSI untuk mempunyai hak mutlak kepada perlindungan Harta Intelek tersebut dan mendatangkan *Return On Investment (ROI)* kepada UPSI sebagai balasan bayaran yang telah dibuat ke atas sesuatu perlindungan Harta Intelek tersebut.
- 7.5 UPSI sebagai pemilik Harta Intelek juga mempunyai budi bicara dalam menentukan negara di mana ia hendak memohon perlindungan di peringkat antarabangsa bagi Hak Harta Intelek tersebut.

8. PEMILIKAN HARTA INTELEK

8.1 Kakitangan

8.1.1 Tertakluk kepada perkara 8.1.4 dan kecuali dipersetujui secara bertulis atau dinyatakan sebaliknya di dalam Dasar ini, UPSI boleh menuntut hak milik dan kepentingan mutlak ke atas semua Harta Intelek yang dihasilkan oleh kakitangan UPSI di dalam urusan pekerjaan kakitangan tersebut.

8.1.2 Semua Harta Intelek yang direka cipta oleh kakitangan UPSI di luar urusan pekerjaannya adalah menjadi hak milik kakitangan tersebut, melainkan Harta Intelek tersebut dihasilkan:

- i. menggunakan dana atau peruntukan, bantuan kepakaran atau kemahiran, kemudahan dan kelengkapan makmal atau premis, bahan atau lain-lain sumber milik UPSI yang menyumbang secara material dan substantif kepada penghasilan Harta Intelek tersebut;
- ii. melalui pembiayaan penuh atau sebahagian geran penyelidikan luar (awam atau persendirian) yang disalurkan kepada UPSI dan diperuntukkan kepada kakitangan tersebut;
- iii. daripada Harta Intelek yang telah sedia ada milik UPSI atau yang

dilesenkan kepada UPSI;

- iv. secara bersama dengan kakitangan UPSI lain di dalam urusan pekerjaan kakitangan tersebut;
 - v. secara bersama dengan Pelajar dan/atau Rakan Sekutu UPSI yang mana UPSI menuntut hak milik di bawah Dasar ini; atau
 - vi. atas permintaan atau arahan secara rasmi yang dikeluarkan oleh UPSI.
- 8.1.3 Merujuk kepada perkara (i) hingga (vi) di atas, UPSI boleh menuntut hak milik penuh atau sebahagian, yang mana dan setakat mana yang difikirkan adil dan wajar, dan jika terdapat sebarang Perjanjian, pegangan hak milik akan diberikan berdasarkan terma dan syarat Perjanjian tersebut.
- 8.1.4 UPSI tidak akan menuntut hak milik Harta Intelek ke atas bahan pengajaran dan pembelajaran yang dihasilkan oleh kakitangan UPSI, termasuk di dalam urusan pekerjaannya, melainkan ia dihasilkan atas permintaan atau arahan secara rasmi oleh UPSI.
- 8.1.5 Walau bagaimanapun, UPSI boleh menuntut hak bukan eksklusif, bebas royalti dan lesen yang berterusan untuk mengguna, membangun, menghasilkan semula dan mengedar keseluruhan atau mana-mana bahagian bahan pengajaran dan pembelajaran tersebut bagi tujuan bukan komersial dalam apa-apa bentuk yang dianggapnya sesuai dan tidak bercanggah dengan hak moral kakitangan tersebut.
- 8.1.6 Semua hak dan kepentingan ke atas Harta Intelek yang diberikan oleh kakitangan UPSI sebagaimana yang dinyatakan di atas akan terus sah dan masih tertakluk kepada penguatkuasaan dasar ini walaupun selepas kakitangan tersebut bukan lagi merupakan kakitangan UPSI sama ada disebabkan tamat tempoh kontrak atau Perjanjian, bersara atau berhenti atau diberhentikan atau atas apa-apa sebab lain.
- 8.1.7 Pelaksanaan bagi perkara 8.1.5 dan 8.1.6 di atas, semua kakitangan dikehendaki menandatangani perakuan pemberian hak bukan eksklusif, bebas royalti dan lesen berterusan ke atas bahan pengajaran dan pembelajaran tersebut kepada UPSI semasa pengambilan mereka sebagai kakitangan atau bilamana didapati perlu.
- 8.1.8 Harta Intelek yang dihasilkan secara bersama iaitu melibatkan dua (2) atau lebih kakitangan UPSI, dan dalam keadaan di mana UPSI tidak menuntut hak milik Harta Intelek tersebut, maka hak milik ke atas Harta Intelek tersebut adalah tertakluk kepada apa-apa Perjanjian di antara semua kakitangan tersebut.

8.2 Pelajar

- 8.2.1 Tertakluk kepada perkara 8.2.3 dan kecuali dipersetujui secara bertulis atau dinyatakan sebaliknya di dalam Dasar ini, UPSI boleh menuntut hak milik dan kepentingan ke atas semua Harta Intelek yang dihasilkan oleh Pelajar UPSI yang mana penghasilannya:

- i. menggunakan dana atau peruntukan, bantuan kepakaran atau kemahiran, kemudahan dan kelengkapan makmal atau premis, bahan atau lain-lain sumber milik UPSI yang menyumbang secara material dan substantif kepada penghasilan Harta Intelek tersebut;
- ii. dibiayai secara penuh atau sebahagian geran penyelidikan luar (awam atau persendirian) yang disalurkan kepada UPSI dan diperuntukkan kepada Pelajar UPSI tersebut;
- iii. menggunakan harta intelek sedia ada yang dimiliki oleh UPSI atau yang dilesenkan kepada UPSI;
- iv. secara bersama dengan Pelajar atau Rakan Sekutu UPSI yang mana UPSI menuntut hak milik di bawah Dasar ini; atau
- v. atas permintaan atau arahan secara rasmi yang dikeluarkan oleh UPSI.

8.2.2 merujuk kepada perkara 7.2.1 (i) hingga (v) di atas, UPSI boleh menuntut hak milik penuh atau sebahagian, yang mana dan setakat mana yang difikirkan adil dan wajar, dan jika terdapat sebarang Perjanjian, pegangan hak milik akan diberikan berdasarkan terma dan syarat Perjanjian tersebut.

8.2.3 UPSI tidak akan menuntut hak milik ke atas tesis, disertasi, kertas projek dan tugas Pelajar UPSI yang dihasilkan daripada aktiviti pengajaran dan pembelajaran di UPSI.

8.2.4 Walau bagaimanapun, UPSI boleh menuntut hak bukan eksklusif, bebas royalti dan lesen yang berterusan untuk menggunakan, membangunkan, menghasilkan semula dan mengedar keseluruhan atau mana-mana bahagian tesis, disertasi, kertas projek atau tugas tersebut bagi tujuan bukan komersial dalam apa-apa bentuk yang dianggapnya sesuai dan tidak bercanggah dengan hak moral Pelajar UPSI tersebut.

8.2.5 Semua hak dan kepentingan ke atas Harta Intelek yang diberikan oleh Pelajar UPSI kepada UPSI sebagaimana yang dinyatakan di atas, akan terus sah dan berkuat kuasa walaupun selepas pelajar tersebut bukan lagi merupakan Pelajar UPSI sama ada disebabkan tamat tempoh pengajian atau Perjanjian, berhenti atau diberhentikan atau atas apa-apa sebab lain.

8.2.6 Pelaksanaan bagi perkara 8.2.4 dan 8.2.5 di atas, pelajar dikehendaki menandatangani perakuan pemberian hak bukan eksklusif, bebas royalti dan lesen berterusan ke atas tesis, disertasi, kertas projek atau tugas tersebut kepada UPSI pada awal pengajian pelajar atau sekiranya diperlukan.

8.2.7 UPSI boleh mempertimbangkan untuk melepaskan atau tidak menuntut hak milik atau kepentingan ke atas Harta Intelek yang dihasilkan oleh pelajar sekiranya pelajar terikat dengan perjanjian biasiswa, pembiayaan, atau tajaan yang menghendakinya menyerahkan hak milik atau kepentingan ke atas Harta Intelek tersebut kepada pemberi biasiswa, pembiaya atau penaja berkenaan. Walau bagaimanapun pertimbangan ini hendaklah dilaksanakan tanpa prejudis atas tanggungjawab penzahiran dan atributasi pelajar kepada UPSI.

8.2.8 Hak milik bagi Harta Intelekt yang dihasilkan secara bersama melibatkan dua (2) orang atau lebih Pelajar UPSI dan UPSI tidak menuntut hak milik Harta Intelekt tersebut, maka pemilikan Harta Intelekt tersebut adalah tertakluk kepada apa-apa Perjanjian di antara pelajar tersebut.

8.3 Rakan Sekutu

8.3.1 Hak milik semua Harta Intelekt yang dihasilkan di bawah Perjanjian di antara UPSI atau wakil yang dilantiknya dengan Rakan Sekutu adalah tertakluk kepada terma dan syarat yang termaktub di dalam Perjanjian tersebut.

8.3.2 UPSI boleh menuntut hak dan kepentingan ke atas semua Harta Intelekt (kecuali dipersetujui secara bertulis atau dinyatakan sebaliknya di dalam Dasar ini) yang dihasilkan oleh Rakan Sekutu yang mana penghasilannya:

- i. menggunakan dana atau peruntukan, bantuan kepakaran atau kemahiran, kemudahan dan kelengkapan makmal atau premis, bahan atau lain-lain sumber milik UPSI yang menyumbang secara material dan substantif kepada penghasilan Harta Intelekt tersebut;
- ii. dibiayai sebahagian atau sepenuhnya melalui pembiayaan geran penyelidikan luar (awam atau persendirian) yang disalurkan kepada UPSI dan diperuntukkan kepada Rakan Sekutu;
- iii. dihasilkan daripada Harta Intelekt sedia ada milik UPSI atau yang dilesenkan kepada UPSI;
- iv. secara bersama dengan kakitangan atau Pelajar UPSI yang mana UPSI menuntut hak milik di bawah Dasar ini; atau
- v. atas permintaan atau arahan secara rasmi oleh UPSI.

8.3.3 Berdasarkan perkara 8.3.2 (i) hingga (v) di atas, UPSI boleh menuntut hak milik penuh atau sebahagian, yang mana difikirkan adil dan wajar, dan sekiranya terdapat sebarang Perjanjian, pegangan hak milik akan diberikan berdasarkan terma dan syarat Perjanjian tersebut.

8.3.4 Bagi melindungi hak dan kepentingan UPSI, apa-apa Perjanjian yang melibatkan Harta Intelekt yang hendak dimasuki sama ada oleh kakitangan dan/atau Pelajar dengan Rakan Sekutu hendaklah terlebih dahulu dirujuk dan mendapat kebenaran bertulis dari UPSI.

8.3.5 UPSI hendaklah memastikan bahawa terma dan syarat Perjanjian yang dibuat dengan Rakan Sekutu telah mengambil kira dan tidak bercanggah dengan Dasar ini.

8.4 Bagi tujuan perkara ini dan mana-mana perkara yang berkaitan (khususnya perkara 9 dan perkara 10 di bawah) sesuatu Harta Intelekt itu akan dianggap sebagai telah dihasilkan secara bersama, sekiranya penghasilan Harta Intelekt bergantung kepada sumbangan secara bersekutu oleh dua atau lebih pihak (tanpa mengambil kira darjah sumbangan dapat ditentukan dengan tepat atau tidak, asalkan ianya substantif).

8.5 Sekiranya UPSI berhak untuk menuntut apa-apa hak atau kepentingan ke atas

Harta Intelek yang dihasilkan secara bersama oleh kakitangan, pelajar atau Rakan Sekutu UPSI dengan Pihak Luar, tuntutan tersebut boleh dibuat berdasarkan peruntukan yang ada dalam Dasar ini atau mengikut terma dan syarat Perjanjian di antara pihak-pihak berkenaan (jika ada).

9. PERJANJIAN DI ANTARA UPSI DENGAN PIHAK LUAR

- 9.1 Perjanjian kerjasama antara UPSI dengan Pihak Luar dalam membangunkan Harta Intelek sedia ada:
- 9.1.1 yang mana hak milik atau kepentingan ke atas Harta Intelek sedia ada dipegang oleh Pihak Luar tersebut, sebarang Perjanjian berhubung penghasilan Harta Intelek baharu dari Harta Intelek sedia ada itu hendaklah setakat mana yang boleh dan wajar, memastikan terma dan syarat Perjanjian adalah selaras dan tidak bercanggah dengan Dasar ini.
 - 9.1.2 yang mana hak milik atau kepentingan ke atas Harta Intelek sedia ada itu dipegang oleh UPSI, sebarang Perjanjian berhubung penghasilan Harta Intelek baharu daripada Harta Intelek sedia ada itu hendaklah setakat mana yang boleh dan wajar, memastikan terma dan syarat Perjanjian adalah selaras dan tidak bercanggah dengan Dasar ini.
 - 9.1.3 sekiranya satu Perjanjian telah dimuktamadkan di antara UPSI, kakitangan, pelajar atau Rakan Sekutunya dengan Pihak Luar tersebut, kewujudan mana-mana terma dan syarat Perjanjian yang bercanggah dengan Dasar ini tidak membatalkan Perjanjian tersebut dan terma-terma yang bercanggah itu tetap sah dan berkuat kuasa.
- 9.2 Bagi perjanjian dengan mana-mana pihak ketiga, kakitangan UPSI tidak boleh menyediakan, sebarang kemudahan, bahan atau sumber-sumber UPSI lain bagi tujuan penghasilan Harta Intelek tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis daripada Naib Canselor.
- 9.3 Sebarang perjanjian yang dimeterai dengan mana-mana pihak ketiga termasuk UPSI Holdings Sdn. Bhd. (UHSB), hak milik dan eksploitasi mana-mana Harta Intelek yang dihasilkan hendaklah dikawal oleh terma-terma perjanjian tersebut.

10. TANGGUNGJAWAB MEMBERI MAKLUMAN BERHUBUNG PENGHASILAN HARTA INTELEK

- 10.1 Semua kakitangan, Pelajar dan Rakan Sekutu yang menghasilkan Harta Intelek yang mana UPSI menuntut hak milik atau kepentingan di bawah Dasar ini hendaklah memaklumkan secara bertulis berhubung penghasilan Harta Intelek tersebut kepada UPSI melalui PPPI dalam tempoh masa yang ditetapkan oleh UPSI.
- 10.2 Permohonan pendaftaran perlindungan harta intelek hendaklah mengikut carta alir seperti dalam lampiran B. Kaedah pendaftaran perlindungan dan penyelenggaraan harta intelek hendaklah dirujuk kepada Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) iaitu seperti carta alir dalam lampiran B1-B5.
- 10.3 Maklumat Harta Intelek tersebut hendaklah mengandungi butiran-butiran asas berikut:
- i. tarikh Harta Intelek tersebut dihasilkan;
 - ii. identiti kakitangan, Pelajar atau Rakan Sekutu yang menyumbang kepada penghasilan Harta Intelek itu;

- iii. kategori Harta Intelek (karya, ciptaan, rekaan, baka biak baru, dan lain-lain);
 - iv. sama ada kriteria asas perlindungan Hak Harta Intelek berjaya dipenuhi; dan
 - v. lain-lain pihak yang berhak untuk menuntut kepentingan ke atas harta intelek tersebut.
- 10.4 Sekiranya perlu PPPI boleh meminta apa-apa maklumat tambahan daripada pihak yang memberi maklumat tersebut.
- 10.5 Setelah menerima maklumat tambahan tersebut, PPPI akan memastikan bahawa UPSI adalah pemilik sah dan mutlak Harta Intelek tersebut. PPPI akan mengesyorkan kepada MJPIU untuk membuat keputusan sama ada layak untuk memohon perlindungan Hak Harta Intelek.
- 10.6 Berdasarkan keputusan MJPIU berkaitan perlindungan ke atas Harta Intelek tersebut, PPPI hendaklah memastikan tindakan diambil selaras dengan keputusan tersebut.
- 10.7 Kos dan perbelanjaan yang terlibat dalam permohonan perlindungan Hak Harta Intelek di bawah dasar ini akan ditanggung sepenuhnya oleh UPSI.
- 10.8 kakitangan, Pelajar dan Rakan Sekutu yang terlibat dengan proses untuk mendapatkan perlindungan Hak Harta Intelek hendaklah memberikan kerjasama yang sewajarnya apabila diminta melengkapkan semua dokumen yang diperlukan bagi membolehkan permohonan perlindungan Hak Harta Intelek dibuat.
- 10.9 Sekiranya MJPIU membuat keputusan untuk tidak memohon perlindungan ke atas Hak Harta Intelek tersebut, makluman secara bertulis berhubung keputusan tersebut akan diberikan oleh PPPI kepada kakitangan, pelajar dan Rakan Sekutu.
- 10.10 Kakitangan, Pelajar dan Rakan Sekutu yang menerima keputusan tidak dapat memohon perlindungan ke atas Hak Harta Intelek boleh membuat permohonan kepada UPSI melalui PPPI supaya hak milik ke atas Harta Intelek UPSI diserahkan kepadanya. Senat UPSI mempunyai budi bicara penuh dalam memutuskan sama ada untuk menyerahkan hak milik Harta Intelek UPSI tersebut kepada kakitangan, Pelajar dan Rakan Sekutu yang membuat permohonan tersebut dengan atau tanpa balasan.
- 10.11 Sekiranya Senat UPSI bersetuju dengan permohonan untuk menyerahkan hak milik Harta Intelek UPSI kepada kakitangan, Pelajar dan Rakan Sekutu tersebut, satu Perjanjian Penyerahan Hak akan disediakan oleh PPPI. UPSI selaku penyerah hak boleh menuntut hak bukan eksklusif, bebas royalti dan lesen yang berterusan untuk menggunakan, membangunkan, menghasilkan semula dan mengedar keseluruhan atau mana-mana bahagian Harta Intelek tersebut bagi tujuan bukan komersial dalam apa-apa bentuk yang dianggapnya sesuai.
- 10.12 Kakitangan, Pelajar dan Rakan Sekutu yang menerima penyerahan hak milik Harta Intelek tersebut adalah bebas memulakan proses memfailkan permohonan perlindungan, pengeksploitan atau pengkomersialan Harta Intelek berkenaan dengan menggunakan kosnya sendiri. Selain daripada hak dan kepentingan yang dinyatakan dalam perkara 9.1.2 di atas, UPSI tidak akan menuntut apa-apa hak, kepentingan dan manfaat yang timbul daripada pengeksploitan atau pengkomersialan Hak Harta Intelek tersebut.

11. PENGKOMERSIALAN HARTA INTELEK UPSI

- 11.1 PPPI setelah menerima permohonan daripada kakitangan, Pelajar atau Rakan Sekutu berhubung penghasilan sesuatu Harta Intelekt UPSI di bawah Dasar ini, boleh mencadangkan supaya Harta Intelekt tersebut dikomersialkan.
- 11.2 Selain PPPI, mana-mana kakitangan, Pelajar atau Rakan Sekutu yang menghasilkan Harta Intelekt UPSI atau mana-mana pencipta juga boleh mencadangkan supaya Harta Intelekt tersebut dikomersialkan.
- 11.3 Pencipta hendaklah mengemukakan maklumat berikut kepada PPPI;
- i. butiran maklumat teknikal Harta Intelekt
 - ii. maklumat 'prior art' atau sorotan teknologi (jika berkenaan)
 - iii. maklumat sama ada Hak Harta Intelekt tersebut telah didaftarkan atau permohonan perlindungan Hak Harta Intelekt telah dibuat
 - iv. nilai komersial Harta Intelekt
 - v. kebolehpasaran Harta Intelekt
 - vi. rancangan perniagaan
 - vii. ramalan kadar pulangan pelaburan
- 11.4 PPPI boleh meminta apa-apa maklumat tambahan daripada Pencipta atau kakitangan, Pelajar dan Rakan Sekutu yang menghasilkan Harta Intelekt tersebut dan memastikan bahawa UPSI adalah pemilik sah Harta Intelekt tersebut.
- 11.5 PPPI akan mengambil tindakan berdasarkan keadaan seperti berikut;
- 11.5.1 PPPI hendaklah memastikan bahawa hak untuk mengkomersialkan dan isu berkaitan pengagihan Hasil Pengkomersialan, telah dipersetujui terlebih dahulu secara bertulis di antara UPSI dan pemilik bersama tersebut sekiranya Harta Intelekt tersebut dimiliki oleh UPSI secara bersama dengan pihak lain;
- 11.5.2 PPPI hendaklah dengan segera menghubungi Pihak Luar berkenaan dan mengadakan rundingan bagi pihak UPSI berhubung pengkomersialan Harta Intelekt tersebut, berasaskan kepada terma dan syarat Perjanjian yang dimasuki dengan Pihak Luar tersebut sekiranya wujud apa-apa obligasi UPSI dengan Pihak Luar di bawah apa-apa Perjanjian yang membabitkan Harta Intelekt UPSI;
- 11.5.3 PPPI akan memaklumkan secara bertulis tentang perkara tersebut kepada pencipta, di mana pencipta adalah bebas untuk mengeksploitasi/mengkomersialkannya atas perbelanjaannya sendiri sekiranya Harta Intelekt tersebut: (i) bukan di bawah hak milik UPSI, atau (ii) ia adalah idea, produk (*'tangible'* dan *'non-tangible'*) atau proses yang di hasilkan oleh kakitangan, Pelajar dan Rakan Sekutu UPSI melalui aktiviti pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan dan inovasi tetapi tidak diklasifikasikan sebagai Harta Intelekt atau didapati tidak layak mendapat perlindungan Hak Harta Intelekt;.
- 11.5.4 Sekiranya selepas dimaklumkan oleh PPPI, Pihak pencipta tetap berhasrat untuk mengkomersialkan dengan mengguna pakai Dasar ini:
- i. Harta Intelekt yang bukan di bawah hak milik UPSI, satu perjanjian penyerahan hak atau pelesenan Harta Intelekt tersebut kepada UPSI hendaklah dimeterai terlebih dahulu di antara UPSI dengan Kakitangan, Pelajar atau Rakan Sekutu berkenaan;

- ii. idea, produk atau proses tersebut, satu Perjanjian yang memberi hak atau kepentingan kepada UPSI untuk mengkomersialkan idea, produk, proses tersebut hendaklah dimeterai di antara UPSI dengan kakitangan, Pelajar atau Rakan Sekutu tersebut.
- 11.5.5 Setelah langkah-langkah yang dinyatakan dalam perkara 11.5.4(i) atau 11.5.4(ii) di atas telah dilaksanakan, Harta Intelek atau idea atau produk atau proses tersebut hendaklah bagi tujuan Dasar ini, dianggap sebagai Harta Intelek UPSI.
- 11.6 Selepas selesai mengenalpasti hak milik UPSI ke atas Harta Intelek tersebut, PPPI hendaklah mengambil langkah-langkah berikut:
 - i. memaklumkan kepada MJPIU tentang cadangan pengkomersialan tersebut;
 - ii. mendapatkan laporan penilai bebas berhubung cadangan pengkomersialan tersebut (jika perlu);
 - iii. mengenal pasti pihak-pihak yang berpotensi untuk mengkomersialkan Harta Intelek tersebut;
 - iv. menentukan kaedah atau mekanisme pengkomersialan yang paling sesuai bagi Harta Intelek tersebut.
- 11.7 PPPI hendaklah menyediakan laporan lengkap kepada MJPIU mengenai penemuan dan pendapatnya berhubung cadangan pengkomersialan Harta Intelek tersebut.
- 11.8 MJPIU sebaik menerima laporan lengkap daripada PPPI dan setelah melakukan secara ketekunan wajar (*due diligence*) oleh PPPI, hendaklah dalam tempoh yang munasabah, mengesyorkan kepada Senat UPSI tentang kewajaran mengkomersialkan Harta Intelek tersebut.
- 11.9 Carta alir proses permohonan pendaftaran pengkomersialan harta intelek berasaskan penyelidikan adalah seperti dalam lampiran C.

12. KEPUTUSAN PENGKOMERSIALAN HARTA INTELEK UPSI

- 12.1 MJPIU dalam tempoh masa yang munasabah hendaklah membuat keputusan muktamad berhubung cadangan pengkomersialan Harta Intelek tersebut.
- 12.2 PPPI hendaklah mengeluarkan keputusan MJPIU mengenai kelulusan cadangan pengkomersialan Harta Intelek kepada pencipta, dengan atau tanpa memberikan alasan kepada keputusan tersebut.
- 12.3 Sekiranya MJPIU memutuskan untuk mengkomersialkan Harta Intelek tersebut, PPPI bertanggungjawab memastikan semua tindakan diambil selaras dengan keputusan tersebut, termasuk memohon perlindungan Hak Harta Intelek (jika berkenaan).
- 12.4 UPSI selaku pemilik Harta Intelek tersebut akan menanggung kos yang terlibat dalam permohonan perlindungan dan pengkomersialan yang diperlukan mengikut kaedah-kaedah pengkomersialan yang dipilih.
- 12.5 Sekiranya MJPIU membuat keputusan untuk tidak mengkomersialkan Harta Intelek tersebut, pencipta setelah menerima keputusan tersebut boleh membuat

permohonan melalui PPPI supaya hak milik ke atas Harta Intelek UPSI diserahkan hak milik kepadanya. MJPIU mempunyai budi bicara penuh sama ada untuk menyerahkan hak milik Harta Intelek UPSI tersebut kepada pencipta yang membuat permohonan tersebut dengan atau tanpa balasan.

- 12.6 Sekiranya perlu UPSI berhak untuk mengekalkan hak milik ke atas Harta Intelek tersebut, dan dalam masa yang sama memberikan lesen kepada Pencipta yang membuat permohonan penyerahan hak milik tersebut.
- 12.7 Sekiranya MJPIU bersetuju dengan permohonan untuk menyerahkan hak milik Harta Intelek UPSI kepada pencipta, satu Perjanjian Penyerahan Hak akan disediakan oleh UPSI. Walau bagaimanapun, UPSI boleh menuntut hak bukan eksklusif, bebas royalti dan lesen yang berterusan untuk menggunakan, membangunkan, menghasilkan semula dan mengedar keseluruhan atau mana-mana bahagian Harta Intelek tersebut bagi tujuan bukan komersial dalam apa-apa bentuk yang dianggapnya sesuai.
- 12.8 Pencipta yang menerima serahan hak milik Harta Intelek tersebut, boleh memulakan proses memfailkan permohonan perlindungan, pengeksploitan atau pengkomersialan Harta Intelek berkenaan dengan menggunakan kosnya sendiri. Melainkan dipersetujui sebaliknya dan dinyatakan secara bertulis, UPSI tidak akan menuntut apa-apa hak, kepentingan dan manfaat yang timbul daripada pengeksploitan atau pengkomersialan Hak Harta Intelek tersebut.

13. KAEDAH PENGKOMERSIALAN HARTA INTELEK

- 13.1 Pihak-pihak yang berunding dalam pengkomersialan Harta Intelek hendaklah mengetahui kaedah pengkomersialan yang ada dan menimbangkan kelebihan dan kekurangan setiap satu kaedah tersebut, sebelum membuat pilihan kaedah berkenaan.
- 13.2 Kaedah pengkomersialan Harta Intelek yang boleh dipilih termasuk, tetapi tidak terhad kepada kaedah-kaedah berikut:
 - 13.2.1 Pelesenan Hak Harta Intelek
 - i. Pemberian lesen boleh dihadkan mengikut kawasan, tempoh masa, industri atau bidang tertentu.
 - ii. Jenis-jenis lesen yang boleh dipilih sebagai kaedah pengkomersialan Harta Intelek, adalah seperti berikut:
 - a. **Lesen Eksklusif** – Pemberi lesen memindahkan sepenuhnya hak untuk mengeksploitasi sesuatu Harta Intelek kepada penerima lesen. Dalam masa yang sama, pemberi lesen juga melupuskan kesemua haknya untuk mengeksploitasi Harta Intelek tersebut. Pemberian lesen tersebut hanya kepada penerima lesen tersebut sahaja dan pemberi lesen tidak lagi dibenarkan untuk memberikan apa-apa lesen yang serupa bagi Harta Intelek tersebut kepada mana-mana pihak lain.
 - b. **Lesen Tunggal** – Pemberi lesen memindahkan sepenuhnya hak untuk mengeksploitasi sesuatu Harta Intelek kepada penerima lesen. Walau bagaimanapun, pemberi lesen masih mengekalkan haknya untuk mengeksploitasi Harta Intelek tersebut.

- c. **Lesen Bukan Eksklusif** – Pemberi lesen memberikan hak untuk mengeksploitasi sesuatu Harta Intelek kepada seorang atau lebih pihak. Dalam masa yang sama, pemberi lesen masih boleh mengeksploitasi Harta Intelek tersebut. Pemberi lesen juga dibenarkan untuk memberikan lesen kecil kepada mana-mana pihak yang lain.
- d. **Lesen Bersilang** – Dua atau lebih pihak memberikan lesen secara timbal balas untuk mengeksploitasi Harta Intelek-Harta Intelek satu sama lain. Balasan kepada pemberian lesen tersebut adalah berupa lesen yang diberikan secara timbal balas tersebut. Di mana hak untuk mengeksploitasi atau nilai Harta Intelek tidak setara, pihak-pihak yang terlibat boleh memasukkan pembayaran atau royalti sebagai balasan tambahan

13.2.2 Penyerahan Hak Harta Intelek

- i. Penyerahan hak Harta Intelek melibatkan penjualan terus Hak Harta Intelek (*Outright Sales*), yang mana penyerah hak memindahkan hak milik secara penuh dan mutlak ke atas Harta Intelek kepada penerima serah hak.
- ii. Sebarang urusan penyerahan hak Harta Intelek sama ada oleh UPSI atau kepada UPSI hendaklah dilaksanakan secara bertulis melalui Perjanjian Penyerahan Hak atau Surat Ikatan Penyerahan (*Deed of Assignment*) dengan pihak-pihak yang berkenaan.

13.2.3 Penubuhan Syarikat Permulaan (*Startup Company*)

- i. Harta Intelek UPSI yang diluluskan untuk dikomersialkan melalui aktiviti *spin-off* akan menubuhkan syarikat permulaan (*startup company*) di bawah seliaan UPSI Holdings Sdn. Bhd. (UHSB) dan tertakluk kepada dasar yang ditetapkan oleh UHSB.
- ii. Pengurusan *Spin-off* adalah tertakluk kepada Garis panduan Pengurusan *Spin-Off* Harta Intelek Hasil Penyelidikan seperti dalam lampiran D.

13.2.4 Usaha sama (*Joint venture*)

Sebuah syarikat yang ditubuhkan oleh Universiti bersama dengan Pihak Luar bagi tujuan pengkomersialan Harta Intelek, yang mana Universiti dan Pihak Luar tersebut adalah merupakan pemegang saham syarikat tersebut.

13.2.5 Pemindahan Teknologi

- i. Pemindahan Teknologi yang dimiliki oleh UPSI boleh dilakukan sama ada melalui pembelian teknologi secara terus oleh Pihak Luar, pemberian lesen kepada Pihak Luar atau apa-apa cara pemindahan lain yang sah di sisi undang-undang.
- ii. Walau apa pun cara pemindahan teknologi yang diguna pakai di bawah Dasar ini, satu Perjanjian Pemindahan Teknologi hendaklah dimeterai di antara UPSI dengan Pihak Luar tersebut.

13.3 Syarat Khas

- 13.3.1 Penyerahan hak atau pemberian lesen eksklusif Hak Harta Intelek UPSI di bawah fasal ini, tidak boleh diberikan melainkan penerima serah hak atau penerima lesen tersebut bersetuju untuk menghasilkan atau membuat atau mengilang atau mengeluarkan produk yang mengandungi atau mengguna pakai Harta Intelek tersebut secara substantif di Malaysia.
- 13.3.2 Walau bagaimanapun, dalam kes-kes tertentu, syarat khas yang dinyatakan di atas boleh diketepikan dalam keadaan seperti berikut:
- i. segala usaha yang wajar telah dilakukan tetapi tidak Berjaya atau gagal untuk mendapatkan penerima serah hak atau penerima lesen yang sanggup memenuhi syarat khas tersebut; atau
 - ii. dalam keadaan di mana penghasilan atau pembuatan atau pengilangan atau pengeluaran produk tersebut di Malaysia adalah didapati tidak wajar.

13.4 Kewangan

13.4.1 Bayaran Yuran Pelesenan Harta Intelek

Perincian mengenai pelesenan harta intelek dinyatakan dalam Perjanjian Pelesenan Harta Intelek UPSI antara UPSI dan agensi luar/syarikat permulaan. Kadar bayaran minimum yuran pelesenan harta intelek adalah sebanyak RM10,000.00 setahun dan dibayar setiap tahun selama syarikat beroperasi atau berdasarkan kepada perjanjian pelesenan harta intelek UPSI antara UPSI dan syarikat. Walau bagaimanapun, bagi produk yang nilainya kecil tetapi ada potensi untuk dikomersialkan, bayaran yuran adalah berdasarkan nilai yang dipersetujui dan mengikut terma perjanjian antara UPSI dan syarikat.

13.4.2 Royalti Hasil Jualan Harta Intelek

Syarikat termasuk syarikat permulaan boleh memilih mana-mana jenis cara di bawah mengikut kiraan nilai yang ditetapkan.

- i. Bayaran minimum royalti hasil jualan harta intelek adalah sebanyak tiga peratus (3%) daripada untung kasar jualan.

ATAU

- ii. Bayaran Sumbangan Pelbagai atas persetujuan bersama dengan pihak UPSI yang merupakan sekurang-kurangnya satu daripada sumbangan berikut:

- Pemberian Geran Penyelidikan atau Geran Perundingan.
- Pebelanjaan kos operasi fakulti atau makmal yang dikenali sebagai Pembiayaan Skala Rintis yang diperkenalkan untuk syarikat yang menggunasama prasarana dan fasiliti UPSI. Kos operasi ditanggung oleh syarikat seperti kos utiliti, penyelenggaraan dan sebagainya bagi premis tersebut.

- Penawaran biasiswa pascasiswazah yang mana sumbangan dalam bentuk biasiswa ini boleh diberikan kepada pelajar UPSI yang melanjutkan pelajaran di peringkat Ijazah Sarjana atau Doktor Falsafah. Sumbangan tidak boleh diberikan kepada pelajar yang mempunyai pertalian keluarga, perkahwinan dan kerabat dengan staf yang terlibat dengan syarikat tersebut.
- Sumbangan dalam bentuk biasiswa ini boleh diberikan kepada sesiapa yang membuat latihan pasca doktoral di UPSI. Sumbangan tidak boleh diberikan kepada individu yang mempunyai pertalian keluarga perkahwinan dan kerabat dengan staf yang terlibat dengan syarikat tersebut.
- Pemberian ke tabung waqaf dan endowmen UPSI. Sumbangan ini boleh disalurkan melalui WEZAS UPSI yang bertanggungjawab untuk menyalurkan sumbangan ini kepada pihak-pihak yang dipersetujui seperti fakulti, pelajar dan sebagainya.
- Lain-lain sumbangan selain yang ditetapkan di atas juga boleh dibuat dalam bentuk hadiah, penajaan aktiviti atau program pelajar atau apa-apa sahaja yang bernilai dan bermanfaat kepada pembangunan UPSI.

13.4.3 Royalti hendaklah dibayar dalam tempoh enam (6) bulan daripada tahun berakhir perakaunan atau mengikut perjanjian yang telah ditandatangani.

14. PENGAGIHAN HASIL PENGKOMERSIALAN HARTA INTELEK

14.1 Pengkomersialan melalui UPSI

14.1.1 Sebarang hasil pengkomersialan daripada Harta Intelek yang dikomersialkan atau dieksploitasi akan diagihkan mengikut formula berikut (Pencipta:UPSI:PPPI:PTj):

| Perkara | Agihan pendapatan bersih | | | |
|---|--------------------------|-------|-------|------|
| | Pencipta | RMIC | PTj | UPSI |
| RM100,000.00 pertama | 90% | 2.5% | 2.5% | 5% |
| Melebihi RM100,000.00 hingga RM1,000,000.00 | 80% | 5% | 5% | 10% |
| Melebihi RM1,000,000.00 hingga RM2,500,000.00 | 60% | 10% | 10% | 20% |
| Melebihi RM2,500,000.00 | 50% | 12.5% | 12.5% | 25% |

14.1.2 Path Finder akan menerima bayaran 2% daripada hasil bersih yang ditolak daripada % Pencipta.

14.2 Pengkomersialan melalui UPSI Holdings Sdn. Bhd. (UHSB) atau Syarikat Luar

- 14.2.1 Hasil pengkomersialan diagihkan mengikut formula berikut (UHSB/Syarikat Luar: UPSI: PPPI: PTj) atau tertakluk kepada mana-mana perjanjian yang dipersetujui;

| Perkara | Agihan pendapatan bersih | | | |
|---|---------------------------|-------|-------|------|
| | UHSB/ Syarikat Luar | RMIC | PTj | UPSI |
| RM100,000.00 pertama | 90% | 2.5% | 2.5% | 5% |
| Melebihi RM100,000.00 hingga RM1,000,000.00 | 80% | 5% | 5% | 10% |
| Melebihi RM1,000,000.00 hingga RM2,500,000.00 | 60% | 10% | 10% | 20% |
| Melebihi RM2,500,000.00 | 50% | 12.5% | 12.5% | 25% |

14.2.2 Path Finder akan menerima bayaran 2% daripada hasil bersih yang ditolak daripada % Pencipta.

- 14.3 Hasil pengkomersialan daripada bayaran pelesenan dan Syarikat Permulaan (*startup company*) kepada UPSI akan diagihkan mengikut jadual seperti dalam perenggan 14.1.1.

15. TEMPOH MANFAAT

- 15.1 Kakitangan, Pelajar dan Rakan Sekutu yang mana Harta Intelek UPSI yang dihasilkannya berjaya dikomersialkan akan mendapat manfaat pengkomersialan Harta Intelek tersebut selagi Hasil Pengkomersialan diterima dan setelah ia meninggal dunia, manfaat pengkomersialan tersebut akan diserahkan kepada wasi atau pentadbir harta pusaknya yang sah.
- 15.2 Tempoh manfaat adalah tidak terhad dan berterusan walaupun selepas Kakitangan, Pelajar dan Rakan Sekutu yang menghasilkan Harta Intelek UPSI yang dikomersialkan tersebut telah berhenti, bersara, menamatkan pengajian atau yang telah ditamatkan perkhidmatannya atau kontraknya atau pengajiannya di UPSI (yang mana berkenaan).

16. TANGGUNGJAWAB UNTUK MENJAGA KERAHSIAAN

- 16.1 Sebarang Maklumat Sulit termasuk Rahsia Perdagangan yang didedahkan atau diperoleh oleh mana-mana pihak-pihak yang terlibat dalam rundingan pengkomersialan tersebut tidak boleh didedahkan kepada mana-mana pihak lain, melainkan jika dipersetujui secara bertulis oleh UPSI.
- 16.2 Semua pihak yang terlibat dengan rundingan pengkomersialan Harta Intelek UPSI hendaklah menandatangani Perjanjian Kerahsiaan (*Confidential Agreement*)/Perjanjian Untuk Tidak Mengemukakan Maklumat (*Non Disclosure Agreement*) atau apa-apa Perjanjian lain yang mewujudkan obligasi yang sama.

- 16.3 Bagi mengelakkan apa-apa pelanggaran Perjanjian, pihak-pihak yang terlibat dalam perbincangan itu bertanggungjawab mengambil langkah berjaga-jaga yang sesuai untuk menjaga dan menjamin kerahsiaan apa-apa maklumat yang didedahkan atau diperolehi tersebut.
- 16.4 Jika terdapat sebarang ketidakpastian dan/atau percanggahan pendapat sama ada sesuatu data/maklumat yang didedahkan itu adalah Maklumat Sulit/Rahsia Perdagangan, rujukan hendaklah dibuat terlebih dahulu kepada PPPI.

17. PENYELESAIAN PERTIKAIAN

- 17.1 Apabila berlaku pertikaian yang berpunca daripada pelaksanaan Dasar ini, atau dalam apa-apa perkara yang berkait dengan Dasar ini, UPSI akan cuba menyelesaikan pertikaian tersebut secara rundingan dengan pihak-pihak berkenaan, tanpa mengambil kira sama ada ia melibatkan UPSI secara langsung atau tidak langsung.
- 17.2 Apabila pertikaian tersebut tidak dapat diselesaikan secara rundingan, maka ia hendaklah dirujuk kepada penimbang tara, yang mana pelantikan dan kos timbang tara hendaklah dipersetujui oleh semua pihak terbabit.
- 17.3 Apabila satu pihak tidak bersetuju dengan pelantikan atau kos timbang tara atau apabila satu pihak gagal/enggan/abai untuk bertindak, maka pihak yang satu lagi boleh memohon kepada Pengarah Pusat Timbang Tara Serantau Kuala Lumpur untuk melantik penimbang tara dan penimbang tara yang dilantik itu hendaklah dianggap sebagai telah dilantik dengan persetujuan semua pihak.
- 17.4 Timbang Tara hendaklah diadakan di Pusat Timbang Tara Serantau Kuala Lumpur dan hendaklah dijalankan menurut Peraturan Timbang Tara Pusat Timbang Tara Serantau Kuala Lumpur.
- 17.5 Bahasa yang akan digunakan dalam prosiding timbang tara ialah Bahasa Inggeris dan pendapat serta award, jika ada, oleh penimbang tara adalah muktamad dan mengikat semua pihak.

18. INSENTIF KEPADA PENCIPTA

- 18.1 UPSI menyediakan insentif kepada Pencipta sebagai pengiktirafan terhadap penajaan idea kreatif, inovasi dan penyelidikan dengan menyediakan bayaran insentif tersebut berdasarkan kategori berikut;
- 18.1.1 Bayaran pendaftaran perlindungan Harta Intelek.
 - 18.1.2 Bayaran yuran penyertaan pertandingan inovasi.
 - 18.1.3 Pemberian insentif dalam bentuk kewangan adalah tertakluk kepada kelulusan Jawatankuasa Pengurusan Universiti.
- 18.2 Insentif juga akan diberikan dalam bentuk bukan kewangan seperti anugerah, surat pengiktirafan atau surat penghargaan tertakluk kepada kesesuaian dan kelulusan Pengurusan Universiti.

19. KUASA UNIVERSITI

19.1 Senat UPSI boleh pada bila-bila masa mengarahkan semakan/pindaan dibuat ke atas Dasar ini selaras dengan perkembangan dan keperluan semasa.

19.2 Senat UPSI juga boleh membenarkan apa-apa pengenehan (waiver) dan/atau pengecualian daripada mana-mana fasal di dalam Dasar ini jika difikirkan sesuai dan perlu. Sebarang pengenehan dan/atau pengecualian hanya bersifat sementara dan berdasarkan sesuatu keadaan, serta tidak membawa kesan sehingga mengubah/meminda/memansuhkan mana-mana fasal yang terbabit.

20. TARIKH DASAR INI BERKUAT KUASA

20.1 Dasar ini berkuat kuasa mulai tarikh kelulusan oleh Lembaga Pengarah Universiti.

20.2 Daripada tarikh Dasar ini berkuat kuasa, kesemua peruntukan yang termaktub di dalam Dasar ini (setakat yang berkenaan) hendaklah dimasukkan sebagai sebahagian terma dan syarat di dalam semua kontrak (termasuk kontrak perkhidmatan), perjanjian, surat tawaran dan penerimaan dan lain-lain dokumen yang berkaitan di antara UPSI dengan kakitangan, Pelajar dan Rakan Sekutu UPSI.

20.3 Penguatkuasaan Dasar ini tidak memberi kesan ke belakang (*retrospective*) terhadap mana-mana aktiviti pengkomersialan Harta Intelekt UPSI yang dimulakan sebelum daripada Dasar ini mula berkuat kuasa.

20. PENEPIAN

Pematuhan terhadap polisi boleh diketepikan atas budi bicara Naib Canselor berdasarkan keperluan.

Lampiran A - Garis Panduan Percanggahan Kepentingan Dan Komitmen Staf Upsi (Dalam Aktiviti Pengkomersialan Harta Intelekt UPSI)

Lampiran B - Carta Alir Proses Permohonan Pendaftaran Harta Intelekt UPSI

Lampiran B1 - Carta Alir Permohonan Pendaftaran Paten/Pembaharuan Utiliti

Lampiran B2 - Carta Alir Permohonan Pendaftaran Cap Dagangan (*Trademark*)

Lampiran B3 - Carta Alir Permohonan Pendaftaran Hak Cipta (*Copyright*)

Lampiran B4 - Carta Alir Permohonan Pendaftaran Reka Cipta Perindustrian

Lampiran B5 - Carta Alir Permohonan Pendaftaran Petunjuk Geografi

Lampiran C - Carta Alir Proses Permohonan Pendaftaran Pengkomersialan

Lampiran D - Garis Panduan Pengurusan *Spin-Off* Harta Intelekt Hasil Penyelidikan

Lampiran D1 - Carta Alir Proses Permohonan *Spin-Off*

Lampiran D2 - Contoh Rancangan Perniagaan

Lampiran D3 - Carta Alir Prosedur Perjanjian

GARIS PANDUAN PERCANGGAHAN KEPENTINGAN DAN KOMITMEN STAF UPSI (DALAM AKTIVITI PENGKOMERSIALAN HARTA INTELEK UPSI)

1. AM

- 1.1 UPSI memberi galakan dan membenarkan Staf melibatkan diri dalam aktiviti pengkomersialan Harta Intelek UPSI. Dalam masa yang sama, UPSI mempunyai komitmen terhadap nilai asas dalam ketelusan, keutuhan kesarjanaan dan kebebasan dalam memenuhi visi dan misinya untuk mewujudkan, memelihara dan menyebarkan ilmu pengetahuan melalui pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan dan inovasi.
- 1.2 Staf mempunyai komitmen yang tinggi secara profesional terhadap UPSI. Semua Staf yang terlibat dengan aktiviti pengkomersialan Harta Intelek UPSI hendaklah membuat sesuatu tindakan dengan jujur, penuh integriti dan mengutamakan kepentingan UPSI semasa menjalankan aktiviti pengkomersialan.
- 1.3 Apabila UPSI membenarkan dan menggalakkan aktiviti pengkomersialan, maka percanggahan kepentingan dan komitmen mungkin akan timbul dan tidak dapat dielakkan. Aktiviti pengkomersialan tidak seharusnya mengganggu obligasi Staf terhadap UPSI.
- 1.4 Staf boleh terlibat dengan aktiviti pengkomersialan Harta Intelek UPSI selagi tidak bercanggah dengan kepentingan UPSI atau dengan komitmen Staf terhadap UPSI, Pelajar UPSI, Rakan Sekutu atau dengan pihak lain yang UPSI mempunyai kepentingan dan tanggungjawab terhadapnya.
- 1.5 Terdapat beberapa percanggahan kepentingan dan komitmen yang boleh wujud dalam aktiviti pengkomersialan Harta Intelek UPSI iaitu termasuk, tetapi tidak terhad kepada percanggahan yang berkaitan dengan penglibatan Staf dalam:
 - 1.5.1 penghasilan Harta Intelek UPSI;
 - 1.5.2 permohonan perlindungan Harta Intelek UPSI;
 - 1.5.3 perundingan pengkomersialan Harta Intelek UPSI;
 - 1.5.4 pelesenan atau penyerahan hak Harta Intelek UPSI; atau
 - 1.5.5 syarikat permulaan (*startup company*) atau syarikat usaha sama UPSI.
- 1.6 Garis Panduan ini adalah selaras dan sebagai tambahan kepada undang-undang serta dasar-dasar UPSI yang berkaitan.

2. DEFINISI

- 2.1 **“Percanggahan Kepentingan”** wujud apabila kepentingan peribadi, kerjaya atau kewangan Staf yang terlibat dengan aktiviti pengkomersialan Harta Intelek UPSI sama ada pada hakikat atau pada zahirnya;
 - 2.1.1 menjejaskan tugas hakiki atau profesionalisme Staf;
 - 2.1.2 mempengaruhi aktiviti pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan atau inovasi Staf; atau
 - 2.1.3 mempengaruhi keputusan atau tingkah laku Staf berhubung dengan pelantikan dan kenaikan pangkat, penggunaan sumber UPSI atau interaksi dengan Staf dengan Staf yang lain atau pihak luar.

- 2.2 **“Percanggahan Komitmen”** wujud apabila hubungan dengan pihak luar atau aktiviti luar Staf sama ada pada hakikat atau pada zahirnya mengganggu atau menyaingi misi pendidikan, penyelidikan atau perkhidmatan UPSI atau keupayaan atau kesediaan Staf untuk melaksanakan tanggungjawab sepenuhnya berhubung dengan jawatannya.

3. PERATURAN DAN PROSEDUR

- 3.1 Staf yang terlibat dengan aktiviti pengkomersialan Harta Intelek UPSI mempunyai obligasi untuk melaksanakan dasar dan amalan UPSI berhubung dengan percanggahan kepentingan dan percanggahan komitmen. Bagi memenuhi obligasi ini, Staf mempunyai tanggungjawab seperti berikut:

3.1.1 Tanggungjawab Staf

a. Komitmen profesional:

Staf hendaklah memenuhi tanggungjawabnya terhadap PTj yang ditetapkan untuknya.

b. Keperluan pengisytiharan:

- i. Staf hendaklah mengisytiharkan semua percanggahan kepentingan atau percanggahan komitmen yang wujud akibat daripada aktiviti pengkomersialan Harta Intelek UPSI kepada PPPI.
- ii. Staf juga hendaklah memberikan maklumat tambahan yang berkaitan dengan perkara yang diisytiharkan atau yang tidak diisytiharkan seperti yang diminta oleh PPPI untuk tujuan menilai kewujudan percanggahan kepentingan atau percanggahan komitmen. Semua pengisytiharan hendaklah dibuat dengan jujur, telus dan segera.

3.1.2 Tanggungjawab PTj

- i. Selaras dengan Garis Panduan ini dan semua Dasar UPSI yang berkaitan, Ketua PTj hendaklah menyampaikan dan menyebarkan isi kandungan Garis Panduan ini kepada Staf di bawah kawalan mereka.
- ii. Apabila mana-mana Ketua PTj berpendapat wujud percanggahan kepentingan atau komitmen Staf yang terlibat dengan aktiviti pengkomersialan Harta Intelek UPSI, maka ia mempunyai tanggungjawab untuk melaporkan kepada PPPI mengenai perkara tersebut.

3.1.3 Tanggungjawab PPPI:

- i. PPPI setelah menerima laporan berhubung percanggahan kepentingan atau percanggahan komitmen tersebut hendaklah menasihatkan Staf tersebut untuk menarik diri daripada terlibat dengan aktiviti pengkomersialan tersebut setakat mana percanggahan yang dilaporkan tersebut wujud.
- ii. Jika sekiranya Staf enggan menarik diri atas apa jua alasan, PPPI mempunyai tanggungjawab untuk merujuk kepada Pusat

Tanggungjawab yang ditetapkan ke atas Staf tersebut bagi menentukan tindakan selanjutnya atau penghapusan percanggahan yang perlu dilakukan.

- iii. Sekiranya perlu, PPPI dengan kerjasama Pusat Tanggungjawab berkenaan akan menyediakan rancangan untuk menyelesaikan percanggahan dengan Staf, di mana Staf hendaklah mematuhi rancangan itu.

4. PELANGGARAN

4.1 Pelanggaran Garis Panduan ini atau mana-mana bahagian rancangan untuk menyelesaikan percanggahan akan dianggap sebagai salah laku di pihak Staf dan boleh dikenakan hukuman pentadbiran hingga dan termasuk penamatan pelantikan menurut prosedur disiplin yang terpakai.


4.2 Pelanggaran termasuk tetapi tidak terhad kepada situasi apabila:

- i. Staf tahu keadaan yang boleh membawanya kepada percanggahan kepentingan atau percanggahan komitmen yang mungkin timbul atau sebenar tetapi gagal mendedahkan percanggahan itu sepenuhnya, menurut dasar unitnya; dan
- ii. Staf mendedahkan percanggahan kepentingan atau percanggahan komitmen yang mungkin timbul atau sebenar tetapi gagal mematuhi sepenuhnya rancangan yang dikehendaki untuk mengelakkan atau mengendalikan percanggahan.


5. PERTIKAIAN DAN RAYUAN

5.1 Apabila Staf mempertikaikan apa-apa tindakan atau keputusan yang berkaitan dengan percanggahan kepentingan atau percanggahan komitmen yang dibuat di bawah Garis Panduan ini, maka Dasar UPSI sedia ada berhubung dengan penyelesaian pertikaian akan digunakan.

CARTA ALIR PROSES PERMOHONAN PENDAFTARAN HARTA INTELEK UPSI




CARTA ALIR PERMOHONAN PENDAFTARAN PATEN/PERBAHARUAN UTILITI



CARTA ALIR PERMOHONAN PENDAFTARAN CAP DAGANGAN (TRADEMARK)

LAMPIRAN B3


**FLOW CHART
TRADEMARK APPLICATION PROCEDURE
(TRADEMARKS ACT 2019)**




NOTE** The differences of fee subjected to the goods/services of pre-approved list-RM950 or without pre-approved list (RM1100)

CARTA ALIR PERMOHONAN PENDAFTARAN HAK CIPTA (COPYRIGHT)


CARTA ALIRAN PEMBERITAHUAN SUKARELA HAK CIPTA




CARTA ALIR PERMOHONAN PENDAFTARAN REKA CIPTA PERINDUSTRIAN



CARTA ALIR PERMOHONAN PENDAFTARAN PETUNJUK GEOGRAFI



CARTA ALIR PROSES PERMOHONAN PENDAFTARAN PENGKOMERSIALAN



**GARIS PANDUAN PENGURUSAN *SPIN-OFF*
HARTA INTELEK HASIL PENYELIDIKAN UPSI**

1. PENGENALAN

Garis Panduan Pengurusan *Spin-off* harta intelek hasil penyelidikan UPSI ini bertujuan untuk membantu kakitangan akademik yang berminat dan berhasrat untuk mengkomersialkan harta intelek UPSI produk inovasi hasil penyelidikan (produk/teknologi/inovasi/perkhidmatan) melalui pelesenan, penjualan serahan hak (*outright sales*) atau usahasama (*joint venture*) dengan pihak luar melalui penubuhan syarikat bertujuan khas (*Special Purpose Vehicle*).

Spin-off bermaksud satu proses pra-pengkomersialan bagi memastikan ketersediaan harta intelek yang telah dihasilkan daripada suatu penyelidikan sebelum penubuhan syarikat permulaan bagi tujuan pengkomersialan harta intelek.

2. OBJEKTIF

- 2.1 Menggalakkan kakitangan akademik untuk menjalankan aktiviti pengkomersialan melalui *spin-off* berasaskan harta intelek hasil penyelidikan UPSI dan bidang kepakaran yang dipersetujui oleh Universiti sehingga berjaya menubuhkan syarikat permulaan.
- 2.2 Meningkatkan pelesenan harta intelek produk inovasi hasil penyelidikan UPSI.
- 2.3 Menyediakan platform keusahawanan untuk tujuan penjanaaan pendapatan UPSI.

3. SYARAT PERMOHONAN

- 3.1 Semua kakitangan UPSI yang berjawatan tetap layak memohon.
- 3.2 Kakitangan UPSI yang bertaraf kontrak layak memohon dengan syarat seorang ahli penyelidik hendaklah dalam kalangan kakitangan bertaraf tetap warganegara Malaysia.
- 3.3 Penyertaan daripada individu luar seperti industri atau agensi lain sebagai ahli adalah dibenarkan dan terhad kepada dua (2) orang sahaja.
- 3.4 Harta intelek setiap hasil penyelidikan hendaklah didaftarkan sebagai Hak Milik UPSI. Bagi pendaftaran harta intelek jenis paten, status pemfailan yang belum diluluskan (*patent pending*) di peringkat MyIPO masih boleh dipertimbangkan untuk permohonan ini.
- 3.5 Kakitangan hendaklah mendapatkan perakuan daripada Ketua PTj.
- 3.6 Perniagaan yang akan dijalankan hendaklah berasaskan kepada bidang kepakaran kakitangan.

4. PROSEDUR PERMOHONAN

4.1 Dokumen Permohonan

- 4.1.1 Pemohon hendaklah mengemukakan borang permohonan Spin-off yang lengkap bersama dokumen berikut;
- i. Butiran pengesahan pendaftaran perlindungan harta intelek.
 - ii. Cadangan rancangan perniagaan (*business plan*) mengikut format seperti dalam Lampiran D2.
 - iii. Maklumat dan gambar harta intelek berkaitan.
 - iv. Borang Permohonan Pekerjaan Luar.
 - v. Borang Perisytiharan Syarikat/Perniagaan Sendiri.
- 4.1.2 PPPI selaku sekretariat akan membuat semakan ke atas semua dokumen permohonan tersebut bagi memastikan permohonan yang diterima adalah lengkap.
- 4.1.3 Carta alir proses permohonan adalah seperti dalam lampiran D1.

4.2 Penilaian Permohonan

- 4.2.1 Permohonan yang lengkap dan memenuhi syarat yang telah ditetapkan hendaklah membentangkan Rancangan Perniagaan dalam Sesi Pitching bersama panel penilai yang dilantik bagi tujuan penilaian dan perakuan keputusan permohonan.
- 4.2.2 Rancangan Perniagaan hendaklah mengandungi perkara-perkara seperti format dalam lampiran D2 dan disediakan untuk tempoh tiga (3) tahun.
- 4.2.3 Segala kos penyediaan bagi menghasilkan Rancangan Perniagaan akan ditanggung oleh pemohon.

4.3 Kelulusan Permohonan

- 4.3.1 Permohonan yang telah dibuat penilaian oleh panel penilai yang dilantik akan dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Penyelidikan dan Inovasi Universiti untuk tujuan kelulusan.
- 4.3.2 PPPI akan mengeluarkan surat pemakluman kelulusan kepada pemohon selepas mendapat keputusan Jawatankuasa Penyelidikan dan Inovasi Universiti.

4.4 Prosedur Dokumen Perjanjian

- 4.4.1 Pemohon yang telah lulus permohonan *spin-off* hendaklah menubuhkan syarikat permulaan (*startup company*) dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia melalui UHSB dan mengemukakan salinan pendaftaran syarikat tersebut kepada PPPI.
- 4.4.2 Dokumen perjanjian pelesenan, penyerahan hak, usaha sama dan pemindahan teknologi, disediakan oleh PPPI dan disemak oleh Penasihat Undang-Undang UPSI untuk dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan

Universiti bagi tujuan kelulusan.

4.4.3 Carta alir prosedur perjanjian adalah seperti dalam lampiran D3.

4.5 Kewangan

4.5.1 Bayaran yuran pelesenan dan caj royalti hasil jualan harta intelek adalah seperti yang dinyatakan dalam Perkara 13.4 Dasar dan Garis Panduan Harta Intelek dan Pengkomersialan

5. KOD ETIKA UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

Semua kakitangan hendaklah mematuhi dan tertakluk kepada Kod Etika dan Tata kelakuan UPSI.

6. PEMATUHAN PEMILIK SYARIKAT PERMULAAN TERHADAP UNDANG - UNDANG, PERATURAN DAN KEPUTUSAN PIHAK PENGURUSAN UPSI

6.1 Kakitangan UPSI adalah dibenarkan memegang/memiliki saham dalam mana-mana syarikat tertakluk kepada Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 2002 yang telah ditetapkan.

6.2 Kakitangan yang terlibat di dalam penubuhan syarikat permulaan hendaklah mengambil maklum perkara-perkara berikut;

6.2.1 Aktiviti pengkomersialan dan penubuhan syarikat di luar pengetahuan serta tidak mendapat kelulusan Universiti dianggap melanggar peraturan universiti dan boleh dikenakan tindakan tatatertib.

6.2.2 Kebenaran penubuhan syarikat permulaan tidak melepaskan kakitangan daripada tanggungjawab hakiki sebagai kakitangan UPSI. Kakitangan dikehendaki membuat permohonan menjalankan pekerjaan luar dan membuat pengisytiharan memiliki syarikat atau perniagaan sendiri.

6.2.3 UPSI boleh mengarahkan kakitangan untuk menutup operasi Syarikat Permulaan atau melepaskan/menjual pegangan ekuiti di dalam syarikat melalui arahan bertulis daripada Jawatankuasa Pengurusan Universiti sekiranya terdapat ketidakpatuhan kepada mana-mana peraturan yang berkaitan.

6.2.4 Kakitangan yang meletak jawatan dalam syarikat Permulaan atau melupuskan pegangan saham perlu melaporkan secara rasmi kepada PPPI.

7. MANFAAT

7.1 Kakitangan UPSI yang berjaya melaksanakan *spin-off* sehingga berjaya menubuhkan syarikat permulaan (*startup company*) akan layak dipertimbangkan untuk;


7.1.1 diambil kira dalam kriteria kenaikan pangkat.

7.1.2 diberikan markah Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT).

7.1.3 diberikan pengurangan beban tugas pengajaran iaitu maksimum tiga (3) jam kredit untuk tahun pertama dan enam (6) jam kredit untuk tahun kedua dan ketiga.

- 7.1.4 diberikan pengecualian penyeliaan Latihan Mengajar/Latihan Industri/Internship Kaunseling untuk tahun pertama dan maksimum dua (2) orang pelajar untuk tahun kedua dan ketiga.
 - 7.1.5 diberikan pengecualian penyeliaan Projek Tahun Akhir.
 - 7.1.6 diberikan kebenaran menjalankan pekerjaan luar.
- 7.2 Manfaat ini adalah terhad untuk tempoh tiga (3) tahun sahaja dan selepas daripada tempoh tersebut kakitangan UPSI hendaklah mendapatkan kelulusan baharu.

CARTA ALIR PROSES PERMOHONAN SPIN-OFF



CONTOH RANCANGAN PERNIAGAAN**1. Ringkasan Eksekutif (secara ringkas)**

- Keunikan Idea perniagaan
- Maklumat produk atau perkhidmatan
- Potensi perkembangan masa hadapan

2. Latar Belakang Perniagaan

- Objektif & Matlamat
- Nama syarikat, Bentuk Perniagaan
- Cadangan lokasi perniagaan
- Cadangan Struktur Organisasi
 - Nama dan No. Kad Pengenalan
 - Jawatan dalam syarikat

3. Harta Intelekt

- Ketersediaan teknologi/produk/perkhidmatan syarikat
- Keunikan teknologi/produk/perkhidmatan

4. Rancangan Organisasi

- Carta organisasi/hierarki jawatan
- Tenaga kerja, jawatan dan bilangan pekerja
- Keperluan pejabat dan perbelanjaan pentadbiran

5. Validasi Pemasaran**6. Rancangan Pemasaran**

- Sasaran pasaran
- Saiz pasaran
- Demografi dan segmentasi
- Persaingan pasaran
- Strategi Pemasaran- 4 P's (*Product, Place, Price and Promotion*)

7. Rancangan Operasi

- Perbelanjaan operasi
- Proses operasi – penghasilan teknologi/produk/perkhidmatan
- Carta aliran operasi
- Maklumat pembekal / Rakan Kolaborasi (jika ada)

8. Rancangan Kewangan

- Sumber kewangan, nyatakan sumber modal permulaan
- Belanjawan permulaan perniagaan
- Jangkaan jualan

9. *Business Model Canvas (BMC)***10. Lampiran**

Dokumen, lukisan, perjanjian, nama-nama rujukan, sumber teknikal, gambar, ilustrasi, brosur, dan lain-lain berkaitan.

CARTA ALIR PROSEDUR PERJANJIAN

